

**PENEMPATAN PEGAWAI POLIS DI SEKOLAH
BAGI MENGATASI MASALAH
SALAH LAKU PELAJAR**

D.S.P. ABD JALIL BIN HASSAN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2001

**PENEMPATAN PEGAWAI POLIS DI SEKOLAH BAGI
MENGATASI MASALAH SALAH LAKU PELAJAR**

**Kertas Projek Sarjana ini diserahkan kepada Sekolah Siswazah
Sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan
Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)
Universiti Utara Malaysia**

Oleh

D.S.P. ABD JALIL BIN HASSAN

@ABD JALIL BIN HASSAN, 2001. Hakcipta Terpelihara



**Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

DSP.ABD.JALIL BIN HASSAN

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of) Sarjana Sains (Pengurusan)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

PENEMPATAN PEGAWAI POLIS DI SEKOLAH BAGI MENGATASI MASALAH

SALAH LAKU PELAJAR

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia : Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Aziz
(Name of Supervisor)

Tandatangan
(Signature)

Tarikh
(Date)

: 24 - 2 - 2001

KEBENARAN MENGGUNA

Kertas projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan program Sarjana Sains Pengurusan Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan universiti mempamerkan sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibenarkan dengan kebenaran penyelia tesis atau Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas projek Sarjana ini sama ada secara keseluruhan ataupun sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui :

Dekan
Sekolah Siswazah
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM, Sintok
Kedah Darul Aman.

ABSTRAK

Dalam usaha negara mencapai status negara maju **pada tahun** 2020, peranan pendidikan **amat** penting sekali. Selain menyediakan pendidikan yang berkualiti tinggi dan bertaraf dunia kepada rakyat jelata, kerajaan **juga** bertanggungjawab untuk menyediakan prasarana yang lengkap dan **canggih** untuk melahirkan satu iklim persekolahan yang tenang dan **harmoni** agar wujudnya keadaan persekitaran sekolah yang kondusif, **selesa** dan selamat untuk **pengajaran** dan pembelajaran. Persekitaran tempat **belajar** dan sekolah yang kondusif **ini juga memberi** penekanan ke arah kepentingan disiplin pelajar di sekolah.

Telah **banyak** usaha dan langkah diambil oleh pihak berkuasa sekolah dan pihak penguatkuasa undang-undang seperti Polis untuk menangani masalah **salah** laku dan disiplin di kalangan pelajar sekolah, tetapi ianya masih terus berlaku. **Ini** telah menjadi **satu** isu besar **dan** sentiasa dilaporkan oleh media **massa**. **Ia** menyebabkan timbul rasa bimbang di kalangan masyarakat. Ibu bapa khususnya turut merasa bimbang dan takut dengan gejala **salah** laku dan kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah.

Kajian penempatan pegawai perhubungan polis di sekolah menengah harian di sekitar Daerah Kota Setar telah dijalankan **bagi** melihat **samada** penempatan **tersebut** mempunyai kesan ke **atas salah** laku dan disiplin pelajar. Sebanyak 62 orang responden yang terdiri daripada pengetua dan guru disiplin telah dijadikan sampel **kajian** untuk mendapat maklumbalas. Hasil daripada kajian **ini** didapati penempatan pegawai polis di sekolah mempunyai kesan ke **atas salah** laku jenayah, **lucah** dan **salah** laku musnah di kalangan pelajar tetapi tidak mempunyai kesan ke **atas salah** laku kurang **sopan**, tidak pentingkan masa dan terhadap kegiatan ko-kurikulum. Manakala dalam program yang dirangka dan dilaksanakan oleh pegawai polis seperti ceramah, kaunseling, pemeriksaan mengejut di dalam dan di luar kawasan sekolah, rondaan di sekolah dan penglibatan dalam kegiatan kokurikulum pula telah **memberi** kesan yang **sangat positif** **bagi** mengatasi masalah **salah** laku **dan** disiplin di kalangan pelajar sekolah. Hasil keseluruhan **kajian ini** menunjukkan terdapatnya kesan yang **positif** dalam penempatan pegawai polis di sekolah dan **ia** boleh dijadikan panduan **asas** **bagi** menyelesaikan masalah **salah** laku dan disiplin di kalangan pelajar **pada** masa **kini** dan **pada** masa akan datang.

ABSTRACT

Education plays a crucial role in order for Malaysia to achieve the status as a developed country by the year 2020. Besides providing a world class quality education for the nation, the government is also responsible to provide suitable infrastructure and maintain a conducive learning and teaching environment in the schools. Students' discipline is a major contributing factor to achieve a conducive and suitable atmosphere in the schools.

Responsible authorities such as the schools and the Police as law enforcer had taken various means and steps to overcome increasing misconduct among school students. However, the problem has not lessened and has become a national issue. As reports in the media escalate, concern has risen in the community. Parents especially are worried regarding the decline of discipline among the students.

The objective of the study is to examine the impact of Police-School Liaison **Officer** on the misdemeanour and discipline among students. Questionnaires were administered to Principals and Discipline Teachers on the researcher's visits to 34 secondary public schools in the Kota Setar District. Result of the study shows that the placement of a liaison officer in the school has a positive impact on some misconduct such as criminal offending, sex crimes and vandalism among students. However, it has no effect on misdemeanour, disregard for time and **offences** during co-curricular activities. On the other hand, programmes organised by the Liaison **Officer** in the school such as public talk, **counselling**, check-ups, patrolling the school area and involvement in co-curricular activities helped to curb disciplinary problems among the students.

PENGHARGAAN

Dengan nama ALLAH Yang Amat Pengasih Lagi Maha Penyayang. Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnianya saya telah dapat menyiapkan projek tesis ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof Madya Dr Abdul Rahman Bin Abdul Aziz dan Encik Jamaludin Mustaffa dari Sekolah Pembangunan Sosial selaku penyelia projek ini, yang telah memberi bimbingan dan nasihat serta tunjuk ajar dalam proses menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah yang telah mencurahkan bakti dengan memberi ilmu yang amat bermanfaat semasa saya menuntut di Universiti Utara Malaysia.

Ucapan terima kasih juga kepada semua pentadbir sekolah dan pegawai polis dalam daerah Kota Setar yang terlibat dan telah memberikan kerjasama yang sangat baik dalam kajian ini. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada Mohd Nazri bin Zakaria, rakan yang banyak membantu dalam menganalisis data-data kajian hingga berjaya.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia Bukit Aman dan Jabatan Perkhidmatan Awam yang telah memilih dan membiayai pengajian saya di UUM ini. Semoga tesis ini akan menjadi pendorong kepada saya untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Kepada keluarga, khasnya isteri tersayang Siti Alida dan anak-anak, Anis Farhana, Syahmi, Syafiq dan Syazwi, segala doa, nasihat, dorongan dan pengorbananmu akan menjadi ingatan sepanjang hidup ini. Kejayaan ini adalah kejayaan untuk kita semua. Hanya ALLAH sahaja yang dapat membalas jasa baik dan budi kalian. Semoga usaha ini juga diberkati oleh ALLAH S.W.T dan mendapat manfaat kepada semua. InsyaALLAH.

Wassalam.

KANDUNGAN

PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK.....	i
KEBENARAN MENGGUNA.....	ii
ABSTRAK.....	iii
ABSTRACT.....	iv
PENGHARGAAN.....	v
SENARAI JADUAL.....	xi
SENARAI RAJAH.....	xiv

BAB I : PENGENALAN

1.1	Latar Belakang.....	1
1.2	Penyataan Masalah.....	11
1.3	Objektif Kajian	13
1.4	Persoalan Kajian	14
1.5	Definisi Konsep	15
1.6	Batasan Kajian	17

BAB II : ULASAN KARYA

2.1	Pengenalan.....	19
2.2	Latar Belakang Salah Laku Pelajar dan Jenayah Juvana.....	19

2.3	Latar Belakang Penempatan Pegawai Perhubungan Sekolah	23
2.4	Kajian-kajian Terdahulu Mengenai Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah	26
2.5	Jenis-jenis Salah Laku Pelajar Sekolah	30

BAB III : METODOLOGI

3.1	Pengenalan.....	35
3.2	Soalan-soalan Penyelidikan.....	35
3.3	Jenis dan Kawasan Sekolah Yang Di Kaji	38
3.4	Soal Selidik Yang Digunakan Dalam Kajian.....	40
	3.4.1 Pentadbiran Soal Selidik	40
	3.4.2 Temubual.....	41
3.5	Analisis Data Kajian Yang DiPungut Melalui Temubual.....	41
3.6	Kerangka Teoritikal	43
	3.6.1 Perhubungan Di antara Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Dengan Salah Laku Pelajar-pelajar Sekolah	43
	3.6.2 Soalan-soalan Yang Mengukur Kesan Penempatan Pegawai Polis Dengan Salah Laku Pelajar	46

BAB IV : ANALISIS DAN KEPUTUSAN

4.1	Pengenalan.....	50
4.2	Analisis Frekuensi Dan Peratusan Profil Sampel.....	50
4.3	Analisis Ujian Kebolehpercayaan (Cronbach Alpha) Dan Kesahan Soalan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah.....	54
4.4	Keputusan Analisis Min, Sisihan Piawai Dan Frekuensi bagi Faktor-faktor Kesan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Dalam Mengatasi Salah Laku Di Kalangan Pelajar.....	56
4.4.1	Bagi Mengatasi Masalah Salah Laku Jenayah.....	57
4.4.2	Bagi Mengatasi Salah Laku Lucah.....	58
4.4.3	Bagi Mengatasi Salah Laku Musnah.....	59
4.4.4	Bagi Mengatasi Salah Laku Kurang Sopan.....	60
4.4.5	Bagi Mengatasi Salah Laku Tidak Pentingkan Masa.....	61
4.4.6	Bagi Mengatasi Masalah Dalam Kegiatan Kokurikulum.....	62
4.5	Keputusan Analisis Min, Sisihan Piawai Dan Frekuensi Keberkesanan Program-Program Polis Yang DiJalankan Di Sekolah Bagi Mengatasi Salah Laku Pelajar.....	63
4.5.1	Keberkesanan Kekerapan Program Yang DiLaksanakan.....	64
4.5.2	Keberkesanan Program Pemeriksaan Mengejut Pegawai Polis di Kawasan Sekolah	65
4.5.3	Keberkesanan Program Rondaan Oleh Pegawai Polis Di Sekolah.....	66

4.5.4	Keberkesanan Program Penglibatan Pegawai Polis Dalam Kegiatan Kokurikulum.....	67
4.5.5	Keberkesanan Program Pemeriksaan Mengejut Pegawai Polis Di Luar Kawasan Sekolah.....	68
4.6	Keputusan Analisis Korelasi Antara Faktor-faktor Salah Laku Pelajar Dengan Program Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah	69
4.7	Keputusan Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar.....	73
4.7.1	Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar Dengan Keseluruhan Program Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah.....	74
4.7.2	Analisis Regresi Berganda Pemboleh ubah Salah Laku Pelajar Dengan Kesan Kekerapan Program Polis.....	76
4.7.3	Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar Dengan Program Penglibatan Ko-Kurikulum.....	78
4.7.4	Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar Dengan Program Pemeriksaan Luar Sekolah.....	80

BAB V : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan.....	82
5.2	Rumusan Hasil Kajian.....	83

5.2.1	Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah	83
5.2.2	Kesan Penempatan Pegawai Polis Ke Atas Enam Jenis Salah Laku Pelajar.....	84
5.2.3	Kesan Program-program Polis Yang Dijalankan Di Sekolah Bagi Mengatasi Salah Laku Pelajar.....	91
5.3	Perbincangan.....	94
5.4	Cadangan	100
5.5	Penutup.....	104

Rujukan	106
----------------	-----

Lampiran : Soal Selidik

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Juvana Bersalah (Dakwaan Terbukti) Sumber Kes Di Mahkamah Pada Tahun 1998 Mengikut Kesalahan Kumpulan, Etnik Dan Jantina	9
Jadual 2.1	Pembahagian Kes Salah Laku Di Sekolah Mengikut Kategori Dan Peratus Kes Bagi Tahun 1999	31
Jadual 2.2	Jenis Dan Jumlah Kes Salah Laku Yang Dikenakan Tindakan Di Sekolah Bagi Tahun 1999.....	32
Jadual 3.1	Senarai Sekolah Dan Pegawai Perhubungan Polis/Sekolah Daerah Kota Setar.....	39
Jadual 3.2	Skala Likert	48
Jadual 4.1	Taburan Frekuensi Dan Peratusan Bagi Jantina.....	51
Jadual 4.2	Taburan Frekuensi Dan Peratusan Bagi Jawatan Responden.....	52
Jadual 4.3	Taburan Frekuensi Dan Peratusan Bagi Pengalaman Kerja.....	53
Jadual 4.4	Taburan Frekuensi Dan Peratusan Bagi Bilangan Pelajar.....	54
Jadual 4.5	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kesan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah ($N=62$)	55
Jadual 4.6	Min, Sisihan Piawai Dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Ke atas Salah Laku Jenayah	58
Jadual 4.7	Min, Sisihan Piawai Dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Ke Atas Salah Laku Lucah	59

Jadual 4.8	Min, Sisihan Piawai Dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Ke atas Salah Laku Musnah.....	60
Jadual 4.9	Min, Sisihan Piawai Dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Ke atas Salah Laku Kurang Sopan.....	61
Jadual 4.10	Min, Sisihan Piawai Dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Ke atas Salah Laku Tidak Penting Masa.....	62
Jadual 4.11	Min, Sisihan Piawai Dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Ke atas Kegiatan Ko- Kurikulum.....	63
Jadual 4.12	Min, Sisihan Piawai Dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Terhadap Kekerapan Program.....	65
Jadual 4.13	Min, Sisihan Piawai Dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Terhadap Program Pemeriksaan Mengejut.....	66
Jadual 4.14	Min, Sisihan Piawai Dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Terhadap Program Rondaan.....	67
Jadual 4.15	Min, Sisihan Piawai Dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Terhadap Program	

	Penglibatan Polis Dalam Ko-kurikulum.....	68
Jadual 4.16	Min, Sisihan Piawai Dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Terhadap Program Pemeriksaan Mengejut Di Luar Sekolah.....	69
Jadual 4.17	Analisis Korelasi Di Antara Salah Laku Pelajar Dengan Program Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah.....	70
Jadual 4.18	Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar Dengan Keseluruhan Program Penempatan Polis.....	75
Jadual 4.19	Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar Dengan Kesan Kekerapan Program Polis.....	77
Jadual 4.20	Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar Dengan Program Penglibatan Ko-Kurikulum.....	79
Jadual 4.21	Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar Dengan Program Pemeriksaan Luar Sekolah.....	81
Jadual 5.1	Perbandingan Jenis Salah Laku Pelajar Mengikut Tahun Di Daerah Kota Setar Kedah.....	85

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1	Proses Analisis Data Yang Diambil Melalui temubual	42
Rajah 3.2	Model Perhubungan Di Antara Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Dengan Salah Laku Pelajar.....	46

BAB I

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Organisasi Polis DiRaja Malaysia merupakan organisasi yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga keamanan negara baik daripada ancaman yang datangnya dari dalam atau dari luar negara agar keamanan itu akan dapat dikecapi oleh generasi yang akan datang. Tanggungjawab untuk menjaga keamanan yang berterusan ini tidak akan tercapai tanpa mendapat kerjasama daripada seluruh masyarakat yang mengaku dirinya rakyat Malaysia (Akta Polis 1967).

Untuk menjaga agar keamanan ini berterusan dan dapat dikecapi oleh generasi yang akan datang, maka perlu satu sistem budaya diterapkan daripada peringkat awal kepada generasi muda masa kini melalui sistem pendidikan yang berteraskan disiplin yang teguh. Ini akan membantu generasi muda pada masa akan datang menghormati undang-undang yang dipersetujui, dipegang teguh dan dihormati oleh semua rakyat Malaysia. Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapannya di Chicago semasa perjumpaan dengan pelajar-pelajar Malaysia telah mengingatkan bahawa masa depan negara akan diwarisi oleh rakyat Malaysia sendiri. Oleh itu, beliau memberi penekanan bahawa generasi muda perlu diterapkan dengan

sistem pendidikan yang berteraskan disiplin yang teguh agar mereka dapat menjadi harapan bangsa dan negara di masa depan (Berita Harian, 5 Ogos 2000).

Menurut Perdana Menteri lagi, tanpa penerapan sistem pendidikan yang berteraskan disiplin dan konsep menghormati undang-undang negara di kalangan generasi muda yang terdiri kebanyakannya daripada golongan pelajar sekolah, maka dikhuatiri generasi akan datang merupakan generasi yang akan mengucar kacirkan sistem hidup bermasyarakat kerana tidak menghormati undang-undang dan sistem budaya berbilang bangsa dan adat resam di Malaysia (Berita Harian, 5 Ogos 2000).

Kes-kes salah laku pelajar di sekolah akhir-akhir ini amat memeranjatkan semua pihak baik di kalangan guru, ibu bapa mahupun pihak penguatkuasa. Antara kes salah laku dan masalah disiplin yang dikaitkan dengan murid-murid sekolah ialah :-

Kes salah laku pelajar membakar bilik darjah

Pembakaran bilik darjah di sekolah-sekolah oleh pelajar-pelajar sekolah cukup membimbangkan masyarakat khasnya ibu bapa. Kes-kes seumpama ini dilaporkan berlaku di Sekolah Menengah Pandamaran, Kelang Selangor dan di Sekolah Menengah Taman Tun Dr Ismail Kuala Lumpur (Berita Harian, 1 Julai 2000).

Kes salah laku pelajar terlibat dengan rompakan

Pada 26 Mei 2000, satu kumpulan samun bersenjata yang turut dianggotai oleh seorang pelajar sekolah berumur 16 tahun telah dilaporkan berlaku di Kondominium Prisma

Perdana, Cheras, Kuala Lumpur. Berdasarkan siasatan polis, remaja sekolah tersebut ialah pelajar tingkatan tiga di sebuah sekolah di Taman Connaught, Kuala Lumpur (Harian Metro, 27 Mei 2000).

Kes salah laku pelajar menganggotai kumpulan kongsi gelap

Kes ini terjadi pada 3 Julai 2000 di mana sekumpulan pelajar sekolah yang dipercayai menganggotai kumpulan kongsi gelap telah terbabit membelasah seorang pengawas sekolah menengah di Kluang, Johor. Mangsa telah dipukul dengan besi dan rotan berpaku oleh sekumpulan pelajar daripada sekolah yang sama sehingga menyebabkan mangsa menerima 10 jahitan (Berita Harian, 6 Julai 2000).

Kes salah laku pelajar yang terlibat dengan pembunuhan

Di Batu Gajah, Perak, seorang pelajar wanita berusia 16 tahun yang belajar dalam tingkatan empat di sekolah berdekatan telah terlibat dengan pembunuhan seorang wanita tua berumur 54 tahun. Kejadian ini berlaku kerana pelajar tersebut cuba mencuri wang wanita tua tersebut sehingga akhirnya berlaku pembunuhan wanita tua itu (Berita Harian, 24 September 1999).

Seramai 75 orang pelajar sekolah terlibat dalam 53 kes jenayah di Negeri Sembilan

Di Negeri Sembilan, seramai 75 orang pelajar telah ditangkap kerana terlibat dalam 53 kes jenayah dalam tempoh 8 bulan pertama tahun 2000. Kajian pihak polis menunjukkan penglibatan pelajar-pelajar sekolah ini adalah lebih ketara dalam kes-kes

seperti pecah rumah pada siang hari dan malam hari. Punca-punca berlakunya jenayah di kalangan pelajar adalah disebabkan kurangnya perhatian daripada ibu bapa, terikut-ikut dengan kawan, ingin mencuba dan kurang pendidikan agama (Utusan Malaysia, 2 Oktober 2000).

Kes-kes di atas menunjukkan betapa kejatuhan dan kemerosotan mutu disiplin dan salah laku di kalangan pelajar sekolah pada masa ini begitu ketara dan menjadi isu hangat yang diperbincangkan baik di kalangan pihak berkuasa kerajaan mahu pun ibu bapa pelajar-pelajar sekolah. Kes-kes peras ugut, pembakaran sekolah, pergaduhan yang melibatkan perkauman sehingga mendatangkan kecederaan di kalangan pelajar telah mengheret sekali pihak luar seperti kumpulan samseng untuk turut campur tangan. Hal sebegini jika dibiarkan berterusan akan menyebabkan satu budaya takut ditanamkan di kalangan pelajar dan ibu bapa dan ini secara tidak langsung akan melahirkan satu generasi masyarakat yang kurang berdisiplin. Apabila keadaan seperti ini menjadi bertambah serius dan tidak dapat dikawal lagi maka pihak agensi penguatkuasa seperti PDRM akan dipersoalkan oleh pihak umum tentang apakah tindakan yang telah mereka ambil bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

Masalah-masalah salah laku pelajar sekolah seperti di atas akan dikaji melalui pendekatan kerjasama di antara pihak polis dengan pihak Kementerian Pendidikan amnya dan institusi sekolah khususnya. Kerjasama di antara polis dan pihak sekolah telah lama wujud (Arahan KPN/19 bertarikh 27 Mei 1974) di mana pada waktu itu penekanan diberikan untuk mengujudkan pasukan-pasukan kadet polis di sekolah-

sekolah. Ia diharap boleh menerapkan disiplin asas kepolisan di kalangan pelajar sekolah ketika itu.

Kerjasama sedemikian dibuat bagi membolehkan semua masalah yang melibatkan remaja sekolah dapat diatasi dengan segera sebelum ianya menjadi lebih buruk. Apabila timbul salah laku yang melibatkan remaja sekolah dalam kes-kes jenayah, ianya akan dibawa kepada pengetahuan pihak sekolah untuk di ambil tindakan dalaman terlebih dahulu sebelum ianya menjadi kes polis demi menjaga nama baik sekolah dan juga masa depan remaja sekolah yang terlibat dalam jenayah.

Kerjasama yang dimaksudkan di atas telah dipertingkatkan lagi pada tahun-tahun berikutnya sehinggalah pada tahun 1994 telah dibuat satu sistem yang dipanggil 'sistem bapa angkat sekolah' dengan menempatkan seorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas sebagai pegawai perhubungan antara polis dan sekolah di setiap sekolah menengah harian bagi membantu pihak sekolah memantau masalah salah laku pelajar. Pegawai polis yang telah dilantik sebagai pegawai perhubungan polis akan melawat sekolah yang dipertanggungjawabkan kepadanya dan membina hubungan yang rapat dengan pihak pengetua atau guru besar sekolah yang berkenaan bagi mendapatkan maklum balas berkenaan salah laku pelajar sekolah tersebut (Arahan Ketua Polis Negara dalam KPN (PR) 86/19 bertarikh 5 November 1994).

Penempatan seorang pegawai polis berpangkat Inspektor ke atas telah diwajibkan bagi setiap sekolah menengah harian dalam satu-satu daerah. Penempatan pegawai polis di

sekolah-sekolah akan diteruskan juga untuk merangkumi sekolah-sekolah rendah pada masa-masa akan datang dengan membuat penempatan anggota polis yang terdiri daripada pangkat-pangkat lain seperti Sarjan ke bawah. Sebagai contoh, terdapat 34 buah sekolah menengah harian di sekitar daerah Alor Setar yang menempatkan seramai 34 orang pegawai berpangkat Inspektor ke atas di setiap sekolah tersebut bagi mengatasi masalah yang wujud di kalangan pelajar serta pihak sekolah (Jadual Tugas Bulanan Pegawai :-Rujukan fail 94/2/4 Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Setar).

Pegawai perhubungan polis yang dilantik di sekolah-sekolah sudah pasti mempunyai peranan dan tanggungjawab bersama yang perlu dijalankan (Arahan KPN 86/19 bertarikh 16 Oktober 2000). Di antara peranan-peranan seorang Pegawai Perhubungan Polis di sekolah ialah :-

1. Mengadakan lawatan sekurang-kurangnya dua minggu sekali bertujuan bertanya khabar dan meneliti perkembangan serta mengkaji bentuk bantuan yang dapat diberikan oleh pihak polis.
2. Mendapatkan risalah-risalah pencegahan jenayah bersesuaian dan diedarkan kepada para pelajar.
3. Berbincang dengan pihak berkuasa sekolah seperti pengetua, penolong kanan, guru disiplin, kaunselor dan guru-guru lain mengenai perlakuan pelajar-pelajar yang bermasalah.

4. Mengatur untuk mengadakan sesi memberi nasihat dan tips-tips keselamatan semasa perhimpunan sekolah.
5. Mengatur ceramah dan pameran pencegahan jenayah, pencegahan penyalahgunaan dadah, keselamatan jalanraya dan tajuk-tajuk lain yang boleh membantu pelajar-pelajar sekolah mempertingkatkan mutu disiplin dan juga kesedaran sosial.
6. Memberi nasihat kepada pelajar-pelajar yang telah melakukan kesalahan jenayah.
7. Berjumpa dan berbincang dengan ibu bapa pelajar-pelajar yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan.
8. Menyelesaikan masalah di antara ibu bapa dengan guru-guru mengenai pelajar-pelajar yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan di sekolah.
9. Mengumpul sebanyak mungkin maklumat daripada semua sumber di sekolah dan menjalankan kajian. Segala maklumat yang diterima akan diambil tindakan.
10. Mengambil bahagian dalam mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan berhubung rapat dengan ahli-ahli jawatankuasa persatuan.

11. Melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti sosial seperti sukan, lawatan, perkhemahan dan sebagainya yang dianjurkan oleh pihak sekolah.
12. Mengambil peranan yang aktif dalam kelab pencegahan jenayah, kadet sekolah dan persatuan beruniform yang lain di mana penerapan nilai disiplin yang tinggi diutamakan.
13. Setiap pegawai perhubungan sekolah perlu beruniform apabila membuat lawatan ke sekolah. Ini boleh memberi kesan psikologi di kalangan pelajar.
14. Membantu pihak sekolah menjalankan operasi mencegah ponteng sekolah.
15. Membantu pihak sekolah membuat pemeriksaan badan dan beg pelajar-pelajar bagi memastikan tiada bahan-bahan atau benda yang terlarang dibawa ke sekolah.
16. Mengemukakan laporan-laporan mengenai masalah salah laku di sekolah di mana pegawai tersebut dipertanggungjawabkan sebagai pegawai perhubungan polis kepada pihak atasan untuk dijadikan ukuran keberkesanan perlaksanaan sistem tersebut.

Walaupun usaha-usaha kerjasama yang mantap di antara polis dan sekolah bermula pada tahun 1994 dengan menempatkan seorang pegawai polis sebagai pegawai perhubungan di antara sekolah dan polis, akan tetapi masih juga terdapat kes-kes yang

melibatkan salah laku pelajar sekolah baik yang kecil atau yang serius seperti membakar bilik darjah, mengurag guru, mengugut dan memukul guru serta pelajar. Masalah ini jika tidak di ambil tindakan di peringkat awal, maka lambat laun akan menjadi bertambah rumit untuk mengatasinya. Ini boleh dibuktikan dengan statistik yang melibatkan pesalah-pesalah juvana yang terdiri daripada pelajar sekolah dan remaja yang tidak bersekolah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 :- Juvana Bersalah (Dakwaan Terbukti) Sumber Kes Di Mahkamah 1998 Mengikut Kesalahan, Kumpulan Etnik Dan Jantina.

Kesalahan	Melayu		Cina		India		Jumlah	
	L	P	L	P	L	P	L	P
Bersabit dengan harta benda	2,427	60	474	11	510	8	3411	79
Bersabit dengan orang lain	271	3	140	3	122	1	533	7
Kesalahan jantina	57	-	13	-	11	-	81	-
Dadah	396	14	66	-	77	-	539	14
Judi	33	1	80	4	9	-	122	5
Senjata/Bahan Api	29	-	17	-	5	-	51	-
Lalulintas	300	5	151	4	29	-	480	9
Memiliki senjata	24	3	14	-	9	-	47	3
Kes-kes jenayah lain	140	18	87	6	23	3	250	27
Jumlah	3,677	104	1042	28	795	12	5,514	144

Sumber :- Berita Harian 12 Julai 2000.

Ia jelas menunjukkan bahawa walaupun usaha-usaha penempatan seorang pegawai polis di sekolah telah dimulakan dengan serius pada tahun 1994 tetapi masih terdapat kelemahan kerana kes-kes yang melibatkan salah laku pelajar dan remaja masih lagi berlaku. Pada tahun 1998, terdapat sebanyak 5,658 kes melibatkan juvana dalam salah laku jenayah yang di bawa ke mahkamah. Daripada jumlah tersebut, 3781 kes melibatkan remaja Melayu, 1070 kes melibatkan remaja Cina dan 817 kes remaja India.

Kajian ini juga dibuat bagi melihat sejauh mana berkesannya penempatan pegawai perhubungan awam polis di sekolah-sekolah menengah harian dari sudut peranan yang dimainkan oleh pegawai polis itu dengan:-

- Pihak berkuasa sekolah seperti guru besar atau pengetua, guru disiplin dan guru-guru,
- Ibu bapa kepada pelajar yang terlibat dengan kes salah laku,
- Pihak berkuasa kerajaan, dan
- Pelajar-pelajar yang terlibat secara langsung dengan salah laku.

Ini penting bagi membantu mendapatkan penyelesaian alternatif untuk mengatasi atau mengurangkan masalah salah laku pelajar-pelajar sekolah pada masa kini. Di pihak polis sendiri, dengan adanya kaedah penyelesaian di atas akan membolehkan masalah seperti budaya samseng, buli, gengsterism, ponteng dan lain-lain lagi dapat dibendung di peringkat awal sebelum ianya menjadi lebih parah. Selain daripada itu, melalui kerjasama yang erat di antara pihak polis dengan sekolah akan membolehkan satu

penerapan nilai rasa hormat remaja sekolah terhadap polis dan undang-undang. Ini secara tidak langsung akan dapat menaikkan imej polis di mata generasi muda dan juga masyarakat keseluruhannya.

1.2 Penyataan masalah

Tujuan ditempatkan pegawai perhubungan polis di sekolah-sekolah menengah harian adalah untuk membantu mengatasi masalah disiplin dan juga untuk mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama di antara polis dan juga pihak sekolah. Kajian ini cuba mengukur sejauh mana keberkesanan sistem penempatan pegawai perhubungan polis di sekolah bagi tujuan :-

- Mendidik pelajar sekolah mengenai tugas dan tanggungjawab polis.
- Mendidik pelajar sekolah mengenai bahayanya salah laku sosial.
- Mendidik pelajar sekolah perihal undang-undang dan hak sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab.
- Mendidik pelajar sekolah bagi menimbulkan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat.
- Mendidik pelajar sekolah membantu masyarakat mencegah jenayah.
- Mendidik pelajar sekolah memberi kerjasama dan mengeratkan hubungan dengan pihak polis.
- Mendidik pelajar sekolah bagaimana mengatasi pengaruh salah laku samada di dalam mahu pun di luar kawasan sekolah.

- Mengeratkan kerjasama yang jitu di antara pihak sekolah, ibu bapa, dan pihak berkuasa polis.

Aktiviti-aktiviti salah laku sosial yang wujud di sekolah-sekolah jika tidak dikawal dan dibendung akan menimbulkan satu bentuk gangguan baik terhadap pihak sekolah, pihak berkuasa polis dan juga masyarakat sekeliling sekolah itu sendiri. Gangguan yang dimaksudkan di sini seperti salah laku sosial umpamanya peras ugut, membuli pelajar-pelajar, ponteng sekolah, lepak, mencuri dan lain-lain lagi. Gangguan ini jika tidak diatasi akan menjatuhkan nama baik sekolah dan seterusnya membebankan pihak berkuasa polis untuk mengatasinya. Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan yang akan dimainkan oleh pegawai perhubungan polis dengan pihak berkuasa sekolah itu sendiri yang terdiri daripada pengetua, guru-guru dan juga murid-murid itu sendiri.

Walaupun pelbagai langkah diambil untuk mengatasi masalah dan gangguan di atas tetapi masih lagi terdapat salah laku sosial dan pelanggaran disiplin yang melibatkan pelajar sekolah. Hal ini boleh dilihat apabila akhbar-akhbar harian kerap menyiarkan berita mengenai salah laku pelajar sekolah seperti memeras ugut, mencuri, berkelakuan sumbang antara lelaki dan perempuan, membakar kelas dan sehingga mencapai kepada kes membunuh. Ini akan menyebabkan masyarakat tertanya-tanya mengenai peranan yang dilaksanakan oleh pihak sekolah dan polis bagi mengatasi masalah tersebut.

Bagi pihak polis, salah laku di atas merupakan kegiatan jenayah yang perlu dibendung untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat yang bukan sahaja tertumpu

kepada sesuatu kawasan kediaman tetapi yang lebih utama ialah kepentingan masyarakat keseluruhannya. Perbendungan ini perlu dilakukan di peringkat awal lagi terutama di kalangan sebilangan remaja sekolah. Kelewatan dalam membendung masalah tersebut boleh menyebabkan negara dan generasi muda kehilangan hala tuju dan seterusnya terjerumus kepada kemusnahan dan merugikan bangsa dan negara.

Bertolak dari situ, maka perlu satu kajian dijalankan untuk mengetahui samada penempatan pegawai perhubungan polis di sekolah perlu dipertingkatkan lagi dengan kerjasama yang padu di antara pihak sekolah, Kementerian Pendidikan dan pihak berkuasa lain untuk mengatasi masalah yang melibatkan pelajar sekolah. Kajian ini akan meliputi faktor-faktor yang mempengaruhi kewujudan kerjasama di antara polis dan sekolah, mengetahui bentuk-bentuk aktiviti yang menghalang keberkesanan kerjasama antara polis dan sekolah dan cadangan-cadangan yang diberikan oleh pihak berkuasa setempat seperti pihak polis, pengetua, guru-guru disiplin, pengawas-pengawas sekolah, kumpulan pelajar yang bermasalah, ibu bapa, badan-badan bukan kerajaan dan pihak berkuasa negeri.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti keberkesanan penempatan pegawai perhubungan polis di sekolah-sekolah menengah harian untuk mengatasi masalah salah laku pelajar-pelajar sekolah. Kajian ini akan dibuat ke atas sekolah-sekolah

menengah harian yang telah ditempatkan seorang pegawai polis atau dipanggil sistem bapa angkat polis di sekolah.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang dinyatakan di atas, sebanyak lapan soalan kajian telah dibentuk sebagai panduan asas bagi pungutan data kajian ini. Soalan-soalan kajian yang dimaksudkan adalah seperti berikut :-

1. Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah dapat mendidik pelajar-pelajar daripada melakukan kegiatan salah laku jenayah?
2. Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah dapat mengurangkan salah laku lucah di kalangan pelajar?
3. Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah dapat mendidik pelajar terhadap salah laku tidak pentingkan masa?
4. Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah dapat mengurangkan salah laku musnah di sekolah?
5. Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah mempengaruhi kegiatan kokurikulum di kalangan pelajar?

6. Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah dapat mengurangkan salah laku kurang sopan di kalangan pelajar?

Daripada enam persoalan yang dirangkakan di atas, perbandingan dan analisis akan dibuat dengan lima jenis program yang dirangkakan oleh pegawai polis yang ditempatkan di sesebuah sekolah. Program-program tersebut ialah :-

- Kekerapan program yang diaturkan oleh pegawai polis,
- Program pemeriksaan mengejut pegawai polis di kawasan sekolah,
- Program rondaan pegawai polis di sekolah,
- Program penglibatan pegawai polis dalam kegiatan ko-kurikulum di sekolah, dan
- Program pemeriksaan mengejut pegawai polis di luar kawasan sekolah.

1.5 Definisi Konsep

Salah laku pelajar

Mengikut definisi yang dinyatakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, salah laku pelajar merupakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh murid-murid dan pelajar-pelajar yang merangkumi daripada kesalahan-kesalahan ringan seperti lali terhadap pelajaran, tidak membuat kerja rumah, tidak membawa buku teks sehingga kepada melakukan kesalahan-kesalahan berat seperti memeras ugut, menganggotai kumpulan haram dan salah laku musnah (Ketua Pengarah, Kementerian Pendidikan Malaysia, Seminar Delinkuensi Juvana, Mei 1993)

Kumpulan salah laku

Kumpulan seminat yang dianggotai oleh pelajar-pelajar yang cenderung melakukan perlakuan-perlakuan negatif atau salah laku di dalam dan di luar kawasan sekolah. Umumnya kumpulan-kumpulan ini amat seronok dan merasa puas apabila mereka dapat melanggar undang-undang dan peraturan sekolah.

Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar sekolah melakukan salah laku

Faktor-faktor yang boleh menarik pelajar sekolah untuk menyertai kumpulan salah laku sosial meliputi faktor diri pelajar itu sendiri, pengaruh rakan sebaya, faktor persekitaran, faktor sekolah dan faktor keluarga.

Pengaruh salah laku ke atas pengajaran dan pembelajaran di sekolah

Pengaruh aktiviti-aktiviti pelajar sekolah yang dikenal pasti dan disyaki melakukan salah laku sosial ke atas proses pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar sekolah.

Pengaruh pelajar sekolah yang melakukan salah laku sosial ke atas iklim sekolah

Pengaruh kumpulan pelajar-pelajar sekolah yang di syaki melakukan salah laku sosial ke atas usaha-usaha mengujudkan dan mengekalkan suasana yang kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran, dan aktiviti kokurikulum sekolah. Pengaruh ini akan dikaji berdasarkan hubungan sesama pelajar, guru, ibu bapa dan pegawai polis yang ditempatkan di sekolah tersebut.

Pengaruh kumpulan pelajar yang melakukan salah laku sosial ke atas aktiviti Kokurikulum

Pengaruh aktiviti-aktiviti kumpulan pelajar-pelajar sekolah yang disyaki melakukan salah laku sosial ke atas aktiviti kokurikulum di sekolah.

Penempatan

Kedudukan seseorang di sesuatu tempat bagi tujuan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Kedudukan yang telah dipersetujui sebagai tempat penempatan tersebut mesti dipatuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

Pegawai Polis

Mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 14, Akta Polis 1967 untuk menjadi pegawai polis di bawah akta ini dan diletakhakkan dengan sepatutnya semua kuasa-kuasa dan keistimewaan sebagai seorang pegawai polis.

1.6 Batasan kajian

Kajian yang dibuat hanya melibatkan 34 buah sekolah menengah harian di sekitar daerah Alor Setar dan yang mempunyai seorang pegawai polis yang di tempatkan sebagai bapa angkat sekolah atau Pegawai Perhubungan Polis. Respoden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 34 orang pengetua dan 34 orang guru disiplin sekolah yang dikaji.

Perlu dinyatakan di sini bahawa disebabkan kajian ini melibatkan sekolah-sekolah di sekitar Alor Setar sahaja maka sudah tentu hasil dapatan dari kajian ini tidak semestinya menggambarkan keadaan sebenar yang wujud pada setiap sekolah di negara ini. Ianya juga tidak menggambarkan keseluruhan keberkesanan atau tidak berkesannya sistem penempatan pegawai perhubungan polis yang ditempatkan di sekolah-sekolah di seluruh negara pada waktu ini.

Kajian ini akan menggunakan kaedah survey dengan pungutan data dipengaruhi kuat oleh bentuk penilaian yang merupakan 'self-report' yang di buat oleh kumpulan responden yang membekalkan maklumat kajian. Penilaian yang akan dilakukan bergantung kepada lokasi dan suasana semasa yang wujud di sekolah-sekolah yang dikaji.

BAB II

ULASAN KARYA

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, perbincangan dimulakan dengan latar belakang dan penjelasan konsep salah laku pelajar sehingga membawa kepada keruntuhan disiplin di kalangan pelajar seperti perlakuan-perlakuan jenayah juvana di kalangan pelajar sekolah. Penekanan hanya dibuat ke atas pelajar-pelajar di sekolah menengah harian sahaja. Perbincangan dalam bab ini juga akan merangkumi penghuraian serta sorotan-sorotan daripada penyelidikan-penyelidikan deskriptif ke atas program-program penempatan pegawai polis di sekolah-sekolah yang telah dijalankan pada masa ini. Hal ini perlu bagi melihat kesan penempatan pegawai polis di sekolah samada ianya mempunyai pengaruh yang kuat untuk mengatasi masalah salah laku pelajar di sekolah-sekolah yang dikaji.

2.2 Latar Belakang Salah Laku Pelajar dan Jenayah Juvana

Sejak akhir-akhir ini, perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah salah laku - pelajar sekolah banyak disebarkan melalui media massa. Hal ini seolah-olah

memperlihatkan bahawa tahap disiplin pelajar-pelajar sekolah sudah tidak dapat dikawal lagi. Pelbagai persoalan dikemukakan khususnya tentang langkah-langkah yang patut diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan bagi mengatasinya. Masyarakat mempunyai satu *pre-conceived idea* tentang salah laku pelajar-pelajar sekolah yang diperolehi melalui pemerhatian kelakuan pelajar-pelajar yang berada di luar kawasan sekolah. Gambaran mengenai sebilangan kecil pelajar yang melepak di kompleks-kompleks membeli belah telah menghasilkan pandangan negatif terhadap disiplin pelajar yang dihubungkan dengan tahap salah laku pelajar-pelajar masa kini.

Menurut Tuan Sheikh Mokhsin Bin Abdullah dalam kertas kerja yang bertajuk 'Masalah remaja dari perspektif persekolahan' yang dibentangkan dalam seminar 'Delinkuensi Juvana' pada Mei 1993, menyatakan bahawa oleh kerana disiplin pelajar adalah bersifat relatif, penilaian sesuatu salah laku pelajar mungkin berbeza-beza mengikut tempat, masa dan orang-orang yang menilainya. Sejak tahun 1985, maklumat salah laku pelajar-pelajar sekolah telah dikumpul dan dianalisis secara agresif. Bagi sekolah menengah harian, didapati masalah salah laku pelajar adalah tidak menentu di mana pada tahun 1988, peratusnya ialah 24.34% dan turun kepada 13% pada tahun 1989. Kemudian ianya meningkat kepada 14.85% pada tahun 1991 dan terus meningkat kepada 15.91% pada tahun 1992 (Sheikh Mokhsin Bin Abdullah, Mei 1993).

Dapatan-dapatan kajian banyak menunjukkan bahawa punca salah laku pelajar-pelajar sekolah adalah faktor diri, keluarga, persekitaran dan rakan sebaya. Faktor-faktor ini

menjadi penyebab utama merosotnya disiplin pelajar-pelajar sekolah sehingga membawa kepada gejala salah laku yang terjadi di kalangan pelajar buat masa ini.

Mengikut Kementerian Pendidikan Malaysia, salah laku pelajar merupakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh murid-murid dan pelajar-pelajar yang merangkumi daripada kesalahan-kesalahan ringan seperti lali terhadap pelajaran, tidak membuat kerja rumah, tidak membawa buku teks sehingga kepada melakukan kesalahan-kesalahan berat seperti memeras ugut, menganggotai kumpulan haram dan salah laku musnah (Ketua Pengarah, Kementerian Pendidikan Malaysia, Seminar Delinkuensi Juvana, Mei 1993). Maka, salah laku pelajar merangkumi kesalahan-kesalahan daripada yang paling kecil kepada kesalahan-kesalahan serius yang jika tidak dibendung di peringkat awal akan menyebabkan ianya sukar untuk dikawal dan akan merugikan generasi muda pada masa akan datang.

Datuk Mohd Zaman Khan, bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah PDRM dalam kertas kerjanya bertajuk 'Masalah Juvana dan Penguatkuasaan Polis' yang dibentangkan dalam seminar yang sama menyatakan bahawa masalah juvana remaja pada masa kini merupakan satu gejala yang memerlukan respon dan perhatian yang serius daripada pihak-pihak berkuasa agar ia tidak melarat dan menjadi amalan hingga ke alam dewasa. Fenomena ini jika dibiarkan akan mencabar dan mengugat keharmonian masyarakat dan sistem keadilan serta memberi kesan kepada jenayah amnya dan pihak PDRM khususnya.

Puan Mahiran Bte Md Isa, Hakim Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur dalam kertas kerjanya bertajuk 'Masalah Kerosakan Akhlak di kalangan Juvana' mendefinisikan juvana sebagai seorang yang telah mencapai umur 14 tahun yang mengiktirafkannya mengetahui akibat perlakuan jenayah 'criminal responsibility' dan di bawah umur 18 tahun seperti mana dinyatakan di bawah seksyen 2 Akta Mahkamah Juvana 1947.

Oleh itu, jika dikaji dari sudut umur yang dinyatakan dalam Akta di atas, maka boleh dinyatakan bahawa umur di antara 14 hingga 18 tahun merupakan lingkungan umur di mana pelajar-pelajar masih berada di bangku sekolah lagi. Golongan ini merupakan kumpulan yang terdedah kepada gejala-gejala kurang sihat dan mudah terjerumus untuk melakukan perkara-perkara yang melanggar undang-undang.

Masalah juvana atau penglibatan remaja-remaja dalam aktiviti-aktiviti anti sosial merupakan satu fenomena antarabangsa dan sentiasa menjadi perhatian yang kritikal. Bagi negara-negara seperti Malaysia, masalah ini menjadi ketara selaras dengan perkembangan ekonomi dan perubahan sosial. Ianya akan lebih mendapat perhatian jika juvana yang melakukan kesalahan itu masih lagi di bangku sekolah. Maka, konsep memerangi masalah juvana perlu mempunyai serampang dua mata iaitu melalui pencegahan dan pemulihan yang serentak dan seimbang. Sekiranya langkah-langkah awal diambil di peringkat persekolahan lagi, maka masalah ini akan dapat diatasi dan dikawal dengan mudah dan berkesan.

2.3 Latar Belakang Penempatan Pegawai Perhubungan Sekolah

Tanggungjawab pihak polis dalam menjaga keamanan dan keselamatan telah dituntut di sekolah-sekolah yang banyak berlaku kes-kes kesalahan atau tatatertib yang serius dilakukan baik di dalam sekolah mahu pun di luar sekolah. Masalah yang berlaku di sekolah perlu di ambil berat oleh pihak polis bersama-sama dengan pihak sekolah dan agensi-agensi yang berkaitan agar masalah salah laku pelajar dapat dibendung melalui kaedah-kaedah bersepadu.

Dalam mengatasi masalah yang berkaitan dengan salah laku remaja sekolah, baik di kawasan sekolah atau di luar kawasan sekolah maka seboleh-bolehnya pihak polis akan meminta penyelesaian di peringkat sekolah diambil terlebih dahulu sebelum dirujuk kepada pihak polis demi menjaga masa depan pelajar tersebut. Apabila keadaan telah mencapai di luar kawalan pihak berkuasa sekolah, maka barulah campur tangan pihak polis diminta bagi mengatasi masalah yang timbul (Seminar Pencegahan Jenayah, Bukit Aman , 1998).

Selain daripada kaedah di atas, strategi pihak polis dalam mengatasi masalah salah laku pelajar-pelajar sekolah ialah dengan mengujudkan pasukan kadet polis dan juga kelab pencegahan jenayah di setiap buah sekolah. Aktiviti-aktiviti ini disokong pula dengan melantik seorang pegawai polis sebagai pegawai perhubungan Polis/Sekolah.

Pegawai perhubungan Polis/sekolah membawa maksud bahawa seorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas dilantik untuk memikul tanggungjawab

mengujudkan perhubungan yang rapat di antara pihak polis dan juga sekolah dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan salah laku dan masalah jenayah di kalangan pelajar-pelajar sekolah (Datuk Mohd Zaman Khan, Mei 1993).

Ekoran daripada kesedaran ini, pelbagai pihak cuba mencari kaedah terbaik bagi mengatasi masalah salah laku di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan ini telah menyebabkan pihak PDRM dan Kementerian Pendidikan telah bersama-sama berusaha untuk memantapkan lagi program penempatan pegawai perhubungan polis di sekolah dari masa ke semasa.

Program penempatan pegawai perhubungan polis di sekolah merupakan satu program yang melibatkan semua pihak termasuk Jabatan Polis dan juga Jabatan Pendidikan di setiap negeri. Satu jawatankuasa kerja bagi merangka dasar-dasar telah dibentuk seperti mana arahan terbaru Ketua Polis Negara bertarikh 16 Oktober 2000 dalam KPN 86/19. Dalam arahan ini, setiap Jawatankuasa permuafakatan penubuhan pegawai perhubungan polis di sekolah mesti terdiri daripada Ketua Polis Negeri dan Pengarah Pendidikan Negeri sebagai pengerusi bersama dan setiausahanya terdiri daripada Ketua Jabatan Pengurusan dan juga pegawai pendidikan negeri yang dilantik. Ahli-ahli dalam jawatankuasa ini mesti terdiri daripada semua pegawai pendidikan negeri, semua ketua polis daerah dan mana-mana individu yang difikir sesuai berada dalam jawatankuasa ini. Hirarki jawatankuasa ini adalah serupa apabila diwujudkan di peringkat daerah-daerah yang ada.

Untuk menjadikan program penempatan pegawai perhubungan polis di sekolah lebih berkesan, langkah awal yang perlu dijalankan oleh pegawai yang dilantik ialah mengadakan sesi perbincangan yang kerap dengan ahli-ahli dalam jawatankuasa yang dilantik baik di peringkat daerah mahu pun di peringkat sekolah. Seterusnya pihak pegawai polis dan sekolah perlu bekerjasama untuk:-

- mengujudkan Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah di mana beliau telah diberi tanggungjawab.
- mengesyorkan pihak berkuasa sekolah menyediakan tempat yang sesuai bagi kegunaan pegawai polis untuk merancang aktiviti-aktiviti yang membawa kebaikan kepada sekolah tersebut.
- mengadakan papan kenyataan yang dipanggil sebagai “sudut Polis” di kawasan sekolah untuk mempamerkan poster dan berita-berita semasa yang ada kaitan dengan kegiatan pencegahan jenayah dan kejadian jenayah yang dilakukan murid-murid sekolah.
- mengadakan “Kotak Pos Polis” bagi membolehkan pelajar menyalurkan maklumat yang diperolehi semasa di luar atau di dalam sekolah.

Kerjasama erat yang dijalinan di antara pihak polis dan sekolah dipercayai akan mendatangkan hasil yang positif dalam menjadikan program penempatan pegawai polis

di sekolah sebagai pemangkin bagi mengatasi masalah salah laku di kalangan pelajar sekolah yang ada masa kini. Ini penting kerana penglibatan pihak berkuasa polis di peringkat awal dalam mengatasi masalah seumpama ini perlu diambil berat bagi memudahkan tindakan susulan untuk melahirkan generasi muda yang berdisiplin dan patuh pada undang-undang negara.

2.4 Kajian-kajian Terdahulu Mengenai Penempatan Pegawai Polis di Sekolah

Di sebabkan program penempatan pegawai polis di sekolah-sekolah merupakan suatu anjakan paradigma dan menjadi isu yang hangat dibincangkan akhir-akhir ini, maka tidak terdapat kajian-kajian yang dilakukan tentang keberkesanan pelaksanaan program ini khususnya di Malaysia. Namun dinyatakan di sini beberapa kajian yang boleh dijadikan panduan bagi membantu mencari jalan penyelesaian kepada masalah salah laku pelajar-pelajar sekolah dengan menempatkan pegawai perhubungan polis di sekolah-sekolah.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Nick Hopkins (1992) bertajuk “Police-School Liaison and Young People’s Image Of Police” yang dipetik daripada ‘British Journal of Psychology’, pengkaji telah membuat kajian ke atas sampel sebanyak 1,245 buah sekolah di Amerika Syarikat dalam menentukan samada terdapat kesan yang positif dengan menempatkan pegawai polis di sekolah dari sudut meningkatkan imej polis dan juga secara tidak langsung dapat membendung kajadian-kejadian salah laku yang dibuat oleh pelajar-pelajar sekolah.

Hasil daripada kajiannya didapati memang terdapat kesan yang positif dari sudut penurunan kes-kes salah laku di kalangan pelajar di sekolah-sekolah yang dikaji dan disiplin pelajar-pelajar didapati bertambah baik dari masa ke semasa. Akan tetapi, dari sudut peningkatan imej polis dilihat tidak memberi kesan yang positif. Ini berkemungkinan kerana pelajar-pelajar merasakan kehadiran polis di sekolah mereka sebagai menakutkan mereka dan ini tidak memberi kelebihan dari segi meningkatkan imej polis di kalangan pelajar.

Mengikut Phillips & Cochrane (1985) dalam kajiannya ke atas 18 orang pegawai perhubungan polis sepenuh masa atau “18 Full-time School Liaison Officers” yang ditempatkan di sekolah-sekolah Amerika Syarikat mendapati mereka dapat memainkan peranan yang berkesan meningkatkan kerjasama di antara pihak sekolah dan pihak berkuasa polis di kawasan tersebut. Ini dibuktikan dengan skor yang tinggi diperolehi daripada data yang dikutip seperti:-

- perubahan sikap pelajar terhadap polis di sekolah (Cronbach Alpha = 0.83),
- kesedaran pelajar terhadap keseriusan melakukan jenayah (Cronbach Alpha= 0.81), dan
- penerimaan kehadiran polis di sekolah (Alpha=0.84).

Dalam kajian yang dijalankan oleh Martin J.Dunn (1999) yang bertajuk “Police Liaison For School” yang diterbitkan oleh FBI Law Enforcement Bulletin, pengkaji telah membuat kajian ke atas 5,100 pelajar dan 700 guru di dua buah sekolah

menengah dan dua buah sekolah rendah di sebuah daerah di Camden County, New Jersey, Amerika Syarikat. Kajian ini ialah untuk menentukan samada terdapat keberkesanan penempatan pegawai polis di sekolah-sekolah tersebut dari sudut kadar jenayah yang dilakukan dan juga penglibatan dengan najis dadah oleh pelajar-pelajar di sekolah-sekolah di mana ditempatkan pegawai polis. Hasil daripada kajiannya didapati peratus indeks jenayah telah menurun sebanyak 10% di sekolah-sekolah tersebut sejak program penempatan pegawai polis dilaksanakan. Selain daripada itu, insiden-insiden seperti pergaduhan sesama pelajar dan penyalahgunaan dadah juga telah menurun dengan banyak sekali. Ini membuktikan bahawa penempatan pegawai polis di sekolah telah menghasilkan kejayaan yang positif.

Manakala dalam kajian bertajuk “Campus-Based Police/Probation Teams-making Schools Safer” yang dijalankan oleh Marty L. West and John M. Fries (1995) di Fresno Unified School District California, mendapati dengan menempatkan pegawai polis di sekolah-sekolah di Fresno sebagai pegawai perhubungan awam di antara sekolah dengan pihak berkuasa *county*, kes-kes rampasan senjata api telah menurun daripada sejumlah 49 pucuk pada tahun 1993 kepada 29 pucuk sahaja pada tahun 1994. Kejayaan ini diperlihatkan dalam tempoh setahun sahaja program ini dijalankan. Begitu juga dengan kes melawan dan mencederakan guru telah menurun sebanyak 43%, kes pergaduhan sesama pelajar menurun sebanyak 4% dan kes pelajar terlibat dengan salah guna arak telah menurun 52%. Kejayaan ini telah menyebabkan pihak berkuasa di Fresno berusaha untuk menjayakan program di seluruh sekolah yang ada di kawasan tersebut.

Kajian yang bertajuk "Law Enforcement Officers in Public School: Student Citizens in safe Havens" oleh Stefkovick, Jacqueline A. (1999) bertujuan menentukan samada terdapat kesan positif dalam program-program perlaksanaan undang-undang yang diambil ke atas pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan di dalam sekolah dan juga di luar sekolah. Standard undang-undang yang boleh diguna pakai ke atas pelajar-pelajar dalam kawasan sekolah menjadi persoalan kerana pegawai polis terikat dengan peraturan dan undang-undang sekolah dan ini menjejaskan usaha murni pihak berkuasa sekolah menempatkan pihak polis di sekolah-sekolah.

Kajian ini mendapati memang terdapat halangan-halangan dari sudut undang-undang untuk membolehkan pihak polis bertindak ke atas pelajar yang melakukan kesalahan salah laku di dalam sekolah. Sebaliknya, pihak polis mempunyai kuasa penuh di luar kawasan sekolah. Program-program polis seperti pemeriksaan mengejut ke atas pelajar-pelajar di luar kawasan sekolah memberikan kesan yang positif untuk mendisiplinkan mereka.

Hasil daripada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji di atas, bolehlah dinyatakan di sini bahawa terdapat kesan yang positif apabila dibuat penempatan pegawai polis di sekolah-sekolah. Akan tetapi, kajian-kajian ini semuanya terbatas kepada suasana yang ada di Amerika Syarikat dan masih tiada lagi hasil kajian yang dijalankan di Malaysia.

2.5 Jenis-jenis Salah Laku Pelajar Sekolah

Sebelum program penempatan pegawai polis ini dilaksanakan di sekolah-sekolah, perlu juga dilihat jenis-jenis salah laku yang sering dibuat oleh pelajar-pelajar sekolah. Hal ini penting kerana ianya boleh dijadikan asas dalam membentuk aktiviti-aktiviti yang bakal dilaksanakan oleh pegawai polis yang dilantik sebagai pegawai perhubungan di sesebuah sekolah tersebut.

Pelajar-pelajar sekolah dikatakan selalu mengganggu ketenteraman di dalam kawasan sekolah dan di luar kawasan sekolah dengan melakukan pelbagai kesalahan jenayah dan aktiviti-aktiviti ganas yang lain sama ada secara perseorangan ataupun secara berkumpulan. Secara umumnya salah laku yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah di Malaysia seperti yang terdapat dalam Buku Rekod salah laku diklasifikasikan kepada lapan kategori iaitu :-

- i. Jenayah
- ii. Lucah
- iii. Tiada kekemasan diri
- iv. Tidak pentingkan masa
- v. Kurang sopan
- vi. Kebiasaan laku musnah
- vii. Tidak jujur
- viii. Ponteng

Hasil daripada laporan disiplin pelajar pada tahun 1995 mendapati pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah terlibat dalam semua kategori salah laku di atas (Bahagian sekolah 1995). Bagaimanapun, kajian ini tertumpu kepada pelajar sekolah menengah harian. Jadual 2.1 di bawah menunjukkan terdapat sejumlah 98,449 kes salah laku pelajar sekolah pada tahun 1999. Daripada jumlah ini, ponteng sekolah adalah salah laku yang paling banyak dilakukan oleh pelajar iaitu sebanyak 38,053 kes. Ia diikuti oleh gejala kurang sopan (20,844 kes) dan tingkah laku jenayah (16,215 kes).

Jadual 2.1 : Pembahagian Kes Salah Laku di Sekolah Mengikut Kategori dan Peratus Kes Pada Tahun 1999.

Kategori	Bilangan Kes
1. Tingkah laku jenayah	16,215
2. Tingkah laku lucah	2,384
3. Tiada kekemasan diri	7,793
4. Kurang sopan	20,844
5. Tiada pentingkan masa	8,804
6. Tingkah laku musnah	2,304
7. Tidak jujur	1,394
8. Ponteng	38,053
9. Lain-lain salah laku	758
Jumlah	98,449

Sumber: Kertas Kerja Abdul Raof Hussin bertajuk "Situasi Disiplin Pelajar Sekolah Kini : Isu, Masalah dan Penyelesaian".

Jadual 2.2 : Jenis dan Jumlah Kes Salah Laku Yang Dikenakan Tindakan di Sekolah Pada Tahun 1999.

Jenis Tindakan	Jumlah Kes
1. Nasihat	20,825
2. Amaran	37,039
3. Rotan 1 kali	19,235
4. Rotan 2 kali	7,190
5. Rotan 3 kali	1,706
6. Rotan lebih 3 kali	461
7. Gantung sekolah	4,769
8. Tukar sekolah	622
9. Buang sekolah	462
10. Lapor kepada polis	20
11. Lain-lain tindakan	6,120
Jumlah	98,449

Sumber: Kertas kerja Abdul Raof Hussin bertajuk "Situasi Disiplin Pelajar Sekolah Kini : Isu, Masalah dan Penyelesaian.

Daripada jadual 2.2 di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat banyak kes salah laku pelajar dan terdapat bermacam-macam tindakan yang dikenakan ke atas setiap salah laku yang telah dikesan. Antara tindakan yang diambil ialah amaran, nasihat dan merotan. Walau bagaimanapun, masalah salah laku pelajar masih lagi terjadi dan ini amat membimbangkan semua pihak baik ibu bapa, sekolah dan juga pihak polis. Ini menunjukkan betapa pentingnya kajian dibuat bagi melihat keberkesanan program

penempatan pegawai polis di sekolah-sekolah bagi mengatasi masalah salah laku pelajar sekolah.

Mengikut Futrell, dalam Hoffman (1996) , perbuatan kekerasan terhadap guru, pihak pengurusan dan kakitangan sekolah, serta ke atas pelajar-pelajar lain adakala dibuat secara disedari dan adakalanya tanpa disedari oleh pelajar yang melakukannya. Kes-kes ganas ini termasuk mencuri, memeras ugut barang kemas atau wang, berbahasa kasar dan lucah, menakut-nakutkan pelajar dan guru, dan memukul pelajar lain.

Mangsa dan pelajar-pelajar yang bertindak kasar ini datangnye daripada semua jenis kaum dan etnik serta latar belakang sosioekonomi. Walaupun boleh dikatakan pelajar-pelajar lelaki lebih berkecenderungan melakukan keganasan di sekolah, sejak kebelakangan ini, tetapi juga kes-kes yang melibatkan pelajar-pelajar perempuan melakukan kegiatan yang sama seperti apa yang dilakukan oleh pelajar lelaki. Adakalanya kumpulan-kumpulan pelajar ini menganas tanpa sebab yang serius dan munasabah atau yang dapat diterima oleh akal.

Kajian yang dijalankan oleh Deputy Supritendent Police (DSP) Amiruddin b. Jamaludin di Pulau Pinang (1998) serta DSP Mohd Shariff b. Abd Wahid di Kuala Lumpur (1998), menunjukkan bahawa kesalahan-kesalahan yang biasa dilakukan oleh pelajar ialah :-

- Jenayah kekerasan seperti bunuh, samun, rogol dan mendatangkan cedera,

- Jenayah harta benda seperti pecah rumah malam dan siang hari, mencuri kenderaan dan mencuri dalam item-item kecil atau besar walau di mana lokasi sekali pun,
- Jenayah maksiat , judi, minum arak,
- Memiliki senjata api,
- Peras ugut, dan
- Merokok.

Kesalahan-kesalahan di atas kadang kala dilakukan secara berseorangan atau bersama rakan-rakan mereka yang dewasa dan juga adakalanya dengan rakan-rakan yang telah berhenti sekolah. Ada juga kes-kes sehingga ke peringkat pelajar-pelajar menubuhkan kumpulan samseng sekolah dengan tujuan menunjukkan kekuatan dengan bergaduh sesama sendiri, mengancam, membuli, mengutip wang perlindungan, menubuhkan geng lindungi kawan, ponteng sekolah, melepak dan menagih dadah (Utusan Malaysia, 16 Jun 1998).

BAB III

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Kajian ini dijalankan untuk mendapat kepastian samada terdapat kesan penempatan pegawai polis di sekolah-sekolah bagi mengatasi masalah salah laku pelajar dewasa ini. Seperti yang dinyatakan dalam Bab I dan II, masalah ini jika tidak dibendung di peringkat awal akan menjejaskan matlamat melahirkan generasi muda yang berwibawa. Maka melalui kajian ini, perbincangan dibuat mengenai soalan-soalan penyelidikan dan pengiktirafan operasional untuk setiap pembolehubah kajian. Kaedah-kaedah pengumpulan data, pra-ujian, persampelan dan prosedur-prosedur ujian statistik diberi penekanan dan dibincangkan untuk mendapat keputusan yang terbaik.

3.2 Soalan-soalan Penyelidikan

Seperti mana yang dinyatakan dalam Bab I, tujuan utama penyelidikan ini ialah untuk mengenal pasti kesan penempatan pegawai polis di sekolah-sekolah menengah untuk

mengatasi masalah salah laku pelajar-pelajar pada masa kini. Di sini dinyatakan sekali lagi soalan-soalan kajian yang akan dijawab di akhir penyelidikan ini nanti iaitu :-

1. Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah dapat mendidik pelajar-pelajar daripada melakukan kegiatan salah laku jenayah?
2. Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah dapat mengurangkan salah laku lucah di kalangan pelajar?
3. Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah dapat mendidik pelajar terhadap salah laku tidak pentingkan masa?
4. Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah dapat mengurangkan salah laku musnah di sekolah?
5. Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah mempengaruhi kegiatan kokurikulum di kalangan pelajar sekolah?
6. Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah dapat mengurangkan salah laku kurang sopan di kalangan pelajar?

Persoalan-persoalan di atas juga dikaji keberkesanannya melalui program-program yang dirangka dan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai polis yang dilantik di sesebuah

sekolah sebagai bapa angkat atau pegawai perhubungan polis dan sekolah. Ia bertujuan menentukan samada terdapat keberkesanan bagi program-program yang diaturkan selama ini di sekolah-sekolah tersebut.

Persoalan yang utama dalam kajian ini ialah untuk menentukan keberkesanan penempatan pegawai polis di sekolah dalam menangani permasalahan salah laku pelajar-pelajar. Ini semua bermula dengan dakwaaan-dakwaannya bahawa tahap disiplin pelajar-pelajar telah menurun dan pihak sekolah terutamanya pihak guru sudah tidak dapat mengawal lagi disiplin pelajar-pelajar sehingga dicadangkan diberi kuasa polis bantuan kepada pihak pengetua dan guru sebagai langkah menangani masalah salah laku pelajar di sekolah (Prof. Madya Mohamad Ali Hassan, Presiden Majlis Pemufakatan PIBG Nasional, Berita Harian, 19 April 2000).

Oleh itu, jika kuasa polis bantuan diberikan kepada pengetua dan guru, adakah mungkin masalah salah laku pelajar dapat diatasi dengan segera dan berkesan? Bolehkah pihak pengetua dan guru yang telah dibekalkan dengan kuasa polis bantuan mengatasi sebarang masalah salah laku pelajar-pelajar mereka?

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada keberkesanan penempatan pegawai polis di sekolah dalam mengatasi masalah salah laku pelajar-pelajar. Kajian ini mirip kepada kajian yang dijalankan oleh Nick Hopkins (1992) dan Philips & Cochrane (1985) di mana mereka telah mengkaji keberkesanan penempatan dan kehadiran pegawai polis di sekolah-sekolah di Amerika Syarikat. Akan tetapi perbezaannya dalam kajian ini ialah

skop kajiannya hanya melibatkan sekolah-sekolah menengah harian di Daerah Kota Setar sahaja. Ini tidak bermakna hasil kajian ini tidak penting seperti mana kajian yang dijalankan oleh Nick Hopkins dan Philips & Cochrane. Adalah diharapkan kajian ini dapat dijadikan panduan dan asas kepada kajian-kajian yang serupa pada masa hadapan.

3.3 Jenis dan Kawasan Sekolah Yang Dikaji

Kajian ini tertumpu kepada jenis sekolah menengah harian kerajaan dan sekolah-sekolah yang terletak dalam daerah Kota Setar sahaja. Jumlah sekolah yang dipilih untuk kajian ini ialah 34 buah sekolah yang telah mempunyai penempatan pegawai polis sebagai pegawai perhubungan awam antara sekolah dan pihak polis. Penempatan ini dilakukan secara serius bermula pada tahun 1994 walaupun pembabitan pihak polis dengan sekolah telah lama wujud iaitu sejak 1974 lagi dengan penubuhan kadet polis di sekolah-sekolah ketika itu.

Soal selidik diedarkan kepada pihak berkuasa di sekolah iaitu pengetua dan juga guru disiplin sekolah masing-masing bagi menjawab soalan-soalan dalam kajian ini. Jadual 3.1 menunjukkan senarai nama sekolah dan pegawai polis yang dilantik dan ditempatkan sebagai pegawai perhubungan Polis/Sekolah (Jadual tugas bulanan pegawai-pegawai polis Ibupejabat Polis Daerah Kota Setar, Rujukan Fail 94/2/4).

Jadual 3.1: Senarai Sekolah dan Pegawai Perhubungan Polis/Sekolah, Daerah Kota Setar.

Bil	Nama Sekolah	Nama Pegawai
1.	Kolej Sultan Abdul Hamid	C/Insp. Alhamdu Bin Sehat
2.	Sek.Men. Seberang Perak	ASP Abdullah Sani Bin Ahmad
3.	Sek. Men. Tunku Abdul Aziz	ASP M. Salleh Bin Haji Abdullah
4.	Maktab Mahmud	Insp. Ghani Bin Khamis
5.	Sek.Men Tun Sharifah Rodziah	ASP Mohd Zuhairi Bin Hamzah
6.	Sek.Men. Alor Jangus	C/Insp. Aminah Saad
7.	Sek.Men. Jabi	C/Insp. Chandkumari Loganathan
8.	Sek.Men.Keat Hwa,K/Kedah	C/Insp. Zainal Abidin Bin Zakaria
9.	Sek. Men. Kepala Batas	C/Insp Ghozali Bin Abdullah
10.	Sek. Men. Langgar	Insp. James Jims Ngandin Riis
11.	Sek. Men. Mergong	ASP Abdul Rahim Awang
12.	Sek. Men. Agama Kedah	Insp. Mohammad Bin Awang
13.	Sek. Men. St Micheal	Insp.Douglas a/k Nyatop
14.	Sek. Men. Syed Mohd Bukhari	Insp. Saari Yaacob
15.	Sek. Men. Pokok Sena	C/Insp. Shuib Abd. Samad
16.	Sek. Men. Tajar	C/Insp. Noh
17.	Sek. Men. Sri Gunong	Insp. Zamri Thapa
18.	Sek. Men. Muadzam Shah	Insp. Barudin Wariso
19.	Sek. Men. Tunku Malik	C/Insp Mohd Haris Bin Rahim
20.	Sek.Men. Dato Syed Omar	C/Insp Chamlong a/l Choi

21.	Sek. Men. Darulaman	ASP Ab Khalid Bin Hassan
22.	Sek.men. Tunku Sofiah	Insp Abi Suhaimi Bin Ali
23	Sek. Men. Teknik 1	ASP Abdullah bin Othman
24	Sek. Men. Tunku Laksamana	Insp Shamsul Bin Nawawi
25.	Sek. Men. St Nicholas Convent	Insp Bibi Shaira Binti Mohamad
26.	Sek. Men. Tunku Abd. Rahman	ASP Che Man Bin Daros
27.	Sek. Men Sultanah Bahiyah	C/Insp. Ruslan Bin Mohammad
28.	Sek. Men. Sultanah Asma	C/Insp. Mariah Bt Mohd Hashim
29.	Sek. Men. Simpang Kuala	Insp. M. Fakaruddin Abd. Hamid
30.	Sek.Men. Sains Pokok Sena	C/Insp. Wan Daud Bin Wan Hamid
31.	SMJK Keat Hwa 2	ASP Sheikh Zainal Abidin
32.	SMK Sri Gunung	Insp. Zamri Thapa
33.	SMK Teknik Jln Stadium	Insp. Borhanuddin Ismail
34.	SMK Kubang Rotan	Insp. Abu Bakar Jaafar

3.4 Soalselidik yang digunakan dalam kajian

3.4.1 Pentadbiran Soal selidik

Kajian dijalankan melalui peringkat pentadbiran soal selidik. Dalam peringkat ini, pentadbiran soal selidik dijalankan ke atas 34 orang pengetua sekolah dan juga 34 orang guru disiplin yang terlibat. Soal selidik yang telah dihantar secara terus ke

sekolah-sekolah yang dikenal pasti akan dijawab oleh setiap pengetua dan guru disiplin.

3.4.2 Temubual


Dalam kajian ini, temubual secara langsung dengan pegawai-pegawai polis yang dilantik sebagai pegawai perhubungan polis/sekolah di daerah Alor Setar telah dijalankan pada bulan Januari 2001. Temubual ini mengambil masa tidak melebihi 1 jam setiap orang. Ia dijalankan untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi menyokong data-data yang diperolehi melalui soal selidik.

Dalam semua soalan kajian, data yang dipungut melalui kaedah kuantitatif (soal selidik) dan data yang dipungut melalui kaedah kualitatif (temu bual) sebahagian besarnya melibatkan aspek-aspek yang bertindih-tindih. Bagi sesetengah soalan kajian, data yang dipungut melalui soal selidik dijadikan asas bagi menjawab soalan kajian tersebut dan data daripada temu bual pula menjadi penjelas dan penguat kepada data utama itu atau di sebaliknya.

3.5 Analisis Data Kajian Yang Dipungut Melalui Temubual

Data yang dipungut melalui temubual secara berstruktur telah dianalisis menjadi maklumat kepada objektif kajian yang berkaitan. Dalam kajian ini, pernyataan yang menjadi paksi utama kepada tiap-tiap soalan kajian telah dijadikan sebagai tema utama yang dimaksudkan.

Dapatan daripada kedua-dua data tersebut dibentangkan dalam bentuk rumusan. Bagi mana-mana soalan kajian yang berkaitan, rumusan-rumusan dibuat dengan mengemukakan tema utamanya dan diikuti oleh tema-tema kecil yang merupakan fakta penjelas, pelengkap dan penyokong kepada tema utama tersebut. Dalam setiap tema kecil, data asal yang merupakan petikan kata daripada sumber data telah dibentangkan secara terpilih. Pemilihan data atau petikan kata adalah dibuat berdasarkan unsur-unsur 'representativeness' bagi data lain yang mempunyai maksud yang sama. Proses analisis data yang diperolehi melalui kaedah temubual boleh dilihat melalui Rajah 3.1.



Rajah 3.1 : Proses Analisis Data Melalui Kaedah Temubual

3.6 Kerangka Teoritikal

Dalam bahagian ini perbincangan bertumpu kepada kerangka teoritikal yang dibina. Kajian ini turut menghuraikan takrifan operasional pembolehubah yang terlibat.

3.6.1 Perhubungan di antara penempatan pegawai polis di sekolah dengan salah laku pelajar-pelajar sekolah.

Adalah diketahui ramai bahawa tugas utama Pasukan Polis Diraja Malaysia ialah menjaga dan memelihara keamanan dan keselamatan negara. Setiap masyarakat di negara ini memerlukan sebuah organisasi yang benar-benar mampu untuk menjaga keselamatan, ketenteraman dan kestabilan bagi membolehkan rakyat memainkan peranan masing-masing dalam suasana yang aman dan tenteram. Ini bersesuaian dengan amanah yang dipikul oleh setiap anggota dan pegawai seperti mana termaktub dalam Seksyen 3 (3), Akta Polis 1967.

Begitu juga halnya dengan tanggungjawab PDRM bagi menjaga keamanan dan ketenteraman di sekolah-sekolah di mana telah banyak kes-kes salah laku yang serius melibatkan pelajar-pelajar sekolah baik di dalam mahu pun di luar kawasan sekolah. Keadaan ini jika tidak dibendung dari peringkat awal lagi, maka besar kemungkinan akan menjadi lebih parah apabila para remaja sekolah menamatkan zaman persekolahan mereka dan memasuki kehidupan yang serba mencabar bersama-sama masyarakat di luar nanti. Fenomena ini akan menyebabkan tanggungjawab pihak polis

menjadi lebih mencabar dan banyak peruntukan terpaksa dibelanjakan demi untuk mendisiplinkan masyarakat yang asalnya daripada alam persekolahan itu tadi.

Penempatan pegawai polis di sekolah mempunyai kaitan dengan kes-kes salah laku pelajar-pelajar di sekolah kerana ianya dilihat sebagai salah satu kaedah yang boleh membantu pihak sekolah mendiplinkan pelajar-pelajar mereka. Ini kerana jika tiada apa-apa tindakan penempatan seperti ini dilakukan, besar kemungkinan akan banyak unsur-unsur dan budaya luar menular masuk ke dalam sekolah tanpa sekatan.

Ini diperjelaskan oleh Boninger-Deuriate (1993) dan Arthur & Erickson (1992) yang mengatakan bahawa aktiviti-aktiviti negatif yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan remaja nakal di luar sekolah mudah menular masuk ke dalam kawasan sekolah. Sekolah akan dijadikan pusat aktiviti kumpulan gengster untuk merekrutkan ahli-ahli baru yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah. Sehubungan daripada itu, Lal (1991) berpendapat bahawa majoriti ahli kumpulan ini ingin sentiasa berada dalam kawasan sekolah kerana mereka akan mudah menunjukkan kekuatan mereka dan menakutkan pelajar-pelajar lain serta mudah mengugut pelajar-pelajar yang lemah bagi kepentingan diri dan kumpulan.

Maka, dengan menempatkan pegawai polis di sekolah-sekolah akan membolehkan pihak sekolah dan juga pihak polis membanteras kegiatan-kegiatan kumpulan-kumpulan pelajar yang melakukan salah laku seperti di atas sebelum kegiatan negatif itu menjadi lebih parah dan akhirnya mengancam keharmonian persekolahan dan juga ketenteraman masyarakat sekeliling. Peranan polis dalam hal ini akan dilaksanakan


secara menyeluruh dari peringkat awalan dengan membabitkan guru-guru dan juga ibu bapa dan penjaga pelajar-pelajar.

Apabila difokuskan kepada penglibatan pegawai polis di sekolah, ia bermakna pihak sekolah bersedia untuk memberi jalan kepada pihak polis untuk bertindak sebagai penyumbang bagi mengatasi masalah salah laku pelajar-pelajarnya. Selanjutnya, kehadiran pihak polis di sekolah akan menjadi pembimbing, penasihat dan sebagai tempat rujukan bagi masalah-masalah yang timbul di pihak guru-guru mahu pun pelajar.

Oleh kerana itu, salah laku pelajar akan menjadi pembolehubah bersandar. Pada kedudukan ini pembolehubah bebas ialah penempatan pegawai polis itu sendiri. Ini bermakna ia menerangkan bahawa sekiranya pihak sekolah bersetuju akan program penempatan pegawai polis di sekolah dilaksanakan, maka ia akan memberi kesan yang positif untuk mengatasi masalah salah laku pelajar-pelajar di sekolah. Hubungan di antara keharmonian sekolah dengan salah laku pelajar dapat dilihat melalui Rajah 3.2 di sebelah.

Walau bagaimanapun, satu faktor yang mendatangkan pengaruh yang ketara terhadap perhubungan ini ialah faktor pandangan pihak pengetua dan guru disiplin di sekolah yang bertindak sebagai pembolehubah *moderating* kepada kesanggupan dan keyakinan sekolah untuk melihat penempatan polis tersebut mendatangkan kesan yang positif bagi menangani kes-kes salah laku pelajar-pelajarnya. Ia akan menjelaskan bahawa

mendidik pelajar tentang salah laku jenayah, menghormati undang-undang, menanam rasa tanggungjawab, aktif dalam kegiatan kokurikulum, dan mengujudkan suasana selamat di sekolah akan menyuntik dan memberi kesan terhadap peningkatan atau penurunan masalah salah laku di kalangan pelajar sekolah.



Pembolehubah Moderating

Rajah 3.2 : Model Perhubungan di Antara Penempatan Pegawai Polis di Sekolah Dengan Salah Laku Pelajar

3.6.2 Soalan-soalan yang mengukur kesan penempatan pegawai polis dengan salah laku pelajar

Terdapat dua perkara utama dalam melihat kesan penempatan pegawai polis di sekolah dengan salah laku yang dibuat oleh pelajar-pelajar. Bahagian pertama akan melihat samada penempatan pegawai polis di sekolah dapat memberi kesan dari segi :-

- Mendidik pelajar supaya tidak melakukan kegiatan salah laku jenayah.
- Mengurangkan salah laku lucah di kalangan pelajar.
- Mendidik pelajar mengenai salah laku tidak pentingkan masa.
- Mengurangkan salah laku musnah di sekolah.
- Mempengaruhi kegiatan kokurikulum pelajar.
- Mengurangkan salah laku kurang sopan di kalangan pelajar.

Daripada enam persoalan utama di atas, ianya akan dipecahkan kepada beberapa soalan kecil. Sebagai contoh, dalam melihat kesan penempatan pegawai polis dari sudut mendidik pelajar daripada melakukan salah laku jenayah terdapat sepuluh pecahan kecil soalan yang dikaji.

Bahagian kedua melihat samada program penempatan pegawai polis memberi kebaikan kepada suasana pengurusan dan pentadbiran sekolah dari pandangan pihak berkuasa sekolah yang terdiri daripada pihak pengetua atau guru disiplin. Dalam bahagian ini juga terdapat lima persoalan yang akan dikemukakan bagi melihat pandangan pihak berkuasa sekolah dalam program penempatan tersebut iaitu :-

- Sejauh manakah kekerapan program pegawai polis di sekolah dapat memberi kesan terhadap salah laku pelajar?
- Sejauh manakah program pemeriksaan mengejut pegawai polis di sekolah dapat memberi kesan terhadap salah laku pelajar?

- Sejauh manakah program rondaan pegawai polis di sekolah dapat memberi kesan terhadap salah laku pelajar?
- Sejauh manakah program penglibatan pegawai polis dalam kegiatan kokurikulum di sekolah dapat memberi kesan terhadap salah laku pelajar?
- Sejauh manakah program pemeriksaan mengejut pihak polis di luar kawasan sekolah dapat memberi kesan terhadap salah laku pelajar?

Kedua-dua bahagian persoalan untuk melihat kesan penempatan pegawai polis di sekolah akan diukur dengan menggunakan lima skala Likert di mana “5” menunjukkan skor tertinggi dan “1” merupakan skor terendah. Jadual 3.2 di bawah menunjukkan skala sepenuhnya.

Jadual 3.2 :- Skala Likert

Skala	Petunjuk
1	Sangat tidak berkesan
2	Tidak berkesan
3	Kurang pasti
4	Berkesan
5	Sangat Berkesan

Satu set soal selidik berkaitan soalan-soalan kajian digunakan untuk tujuan pungutan data. Soal selidik kajian penempatan pegawai polis di sekolah bagi mengatasi masalah salah laku pelajar (Lampiran 1) dibentuk khusus bagi menjawab soalan-soalan utama berdasarkan skala 'Likert' tentang aspek-aspek keberkesanan program tersebut.

BAB IV

ANALISIS DAN KEPUTUSAN

4.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, perbincangan ditumpukan kepada dapatan kajian hasil daripada pengumpulan data yang dilakukan. Ini termasuk dapatan melalui statistik deskriptif dan juga inferensi. Dalam bab ini juga, analisis dibuat dengan memfokuskan kepada menjawab semua soalan kajian yang telah dibincangkan dalam bab I. Bagi soalan-soalan kajian yang berkaitan, data-data yang dipungut melalui pentadbiran soal selidik menggunakan skala lima-poin dengan nilai skala yang tertinggi ialah 5 dan nilai terendah pula ialah 1. Poin 5 menunjukkan tahap yang sangat berkesan atau sangat berpengaruh manakala poin 1 pula menunjukkan sangat tidak berkesan.

4.2 Analisis Frekuensi dan Peratusan Profil Sampel

Analisis ini dibuat bagi melihat keseluruhan taburan demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Daripada sejumlah 34 buah sekolah dalam daerah Kota Setar yang terlibat dalam kajian ini yang merangkumi sejumlah 68 orang responden yang telah

diedarkan kertas soal selidik kajian, sejumlah 62 orang atau 91% telah mengembalikan kertas soal selidik. Jumlah ini dijangkakan mencukupi dan memuaskan bagi tujuan menganalisis data bagi mendapat keputusan kajian.

Jumlah 62 orang responden yang memberi maklumbalas terhadap kertas soal selidik ini terdiri daripada pengetua dan guru disiplin sekolah-sekolah yang terlibat. Sesetengah pengetua telah meminta wakilnya atau penolong kanan menjawab bagi pihak sekolah. Kertas soal selidik yang dikemukakan kepada guru disiplin telah dijawab kesemuanya oleh responden yang berkenaan. Semua responden telah menjawab semua soalan yang diberikan. Ini menunjukkan kerjasama yang baik telah diberikan oleh pihak responden.

a) Jantina

Daripada sejumlah 62 orang responden yang terlibat dalam kajian ini didapati 41 orang atau 66.1% daripadanya adalah lelaki dan 21 orang atau 33.9% adalah perempuan. Ianya boleh dilihat daripada Jadual 4.1 di bawah. Pada kebiasaannya, guru yang bertanggungjawab menjaga disiplin pelajar sekolah terdiri daripada guru lelaki kerana mereka lebih menunjukkan ketegasan. Manakala guru perempuan pada kebiasaannya menjawat jawatan sebagai pengetua atau penolong kanan sekolah.

Jadual 4.1 : Taburan Frekuensi dan Peratusan Bagi Jantina Responden

N = 62	Frekuensi	Peratus
Lelaki	41	66.1
Perempuan	21	33.9

b) Jawatan

Jadual 4.2 pula menerangkan taburan frekuensi dan peratusan bagi jawatan responden. Ia menunjukkan 13 orang atau 21% merupakan responden yang memegang jawatan pengetua, 31 orang atau 50% merupakan responden yang memegang jawatan guru disiplin dan 18 orang atau 29% merupakan guru-guru lain atau penolong kanan sekolah. Ini membuktikan bahawa sesetengah daripada responden kajian merupakan guru yang menjaga disiplin pelajar dan ini memberikan implikasi yang baik kepada kajian kerana guru disiplin boleh memberikan jawapan yang terbaik samada kajian penempatan pegawai polis di sekolah boleh memberi kesan ke atas tahap salah laku dan disiplin pelajar sekolah.

Jadual 4.2 : Taburan Frekuensi dan Peratusan Bagi Jawatan Responden

N = 62	Frekuensi	Peratus
Pengetua	13	21
Guru Disiplin	31	50
Guru Lain	18	29

c) Pengalaman Kerja

Seterusnya, Jadual 4.3 menunjukkan taburan frekuensi dan peratusan bagi pengalaman kerja untuk 62 orang responden kajian. Ia menunjukkan 25 orang atau 40.3% mempunyai pengalaman kerja dari 2 hingga 5 tahun dan jumlah ini merupakan jumlah

yang paling ramai di kalangan responden yang ada. Manakala bagi responden yang berkhidmat dari 16 hingga 20 tahun terdiri daripada sejumlah 5 orang atau 8.1% sahaja. Ini menunjukkan mereka yang telah berkhidmat lama terdiri daripada pengetua sekolah dan mereka yang baru bertugas atau bertugas kurang daripada 5 tahun merupakan golongan guru disiplin sekolah yang dilantik atas kriteria ketegasan dan bukannya lama berkhidmat.

Jadual 4.3 : Taburan Frekuensi dan Peratusan Bagi Pengalaman Kerja Responden

N = 62	Frekuensi	Peratus
2 hingga 5 tahun	25	40.3
6 hingga 10 tahun	8	12.9
11 hingga 15	10	16.1
16 hingga 20	5	8.1
21 tahun ke atas	14	22.6

d) Bilangan Pelajar

Jadual 4.4 menunjukkan taburan frekuensi dan peratusan bagi bilangan pelajar di sekolah responden kajian. Jumlah frekuensi yang tertinggi sekali ialah terdiri daripada sekolah yang mempunyai pelajar seramai 1001 hingga 1500 pelajar iaitu 26 buah sekolah atau 41.9%. Manakala sekolah yang mempunyai pelajar seramai atau melebihi 2,501 orang terdiri daripada 2 buah sekolah atau 3.2% sahaja. Ini disebabkan kebanyakan sekolah yang terlibat dalam kajian ini terletak dalam bandar Alor Setar dan purata pelajarnya adalah seimbang pada keseluruhannya. Melalui jumlah pelajar di

sekolah responden, akan dapat dibuat analisis berdasarkan kepesatan pelajar dan beban yang terpaksa dipikul oleh guru disiplin dan pengetua sekolah bagi mengatasi masalah salah laku yang dibuat oleh pelajar-pelajarnya.

Jadual 4.4 : Taburan Frekuensi dan Peratusan Bagi Bilangan Pelajar Di Sekolah Responden

N = 62	Frekuensi	Peratus
501 – 1000 orang	21	33.9
1001 – 1500 orang	26	41.9
1501 – 2000 orang	11	17.7
2001 – 2500 orang	2	3.2
2501 orang ke atas	2	3.2
Jumlah	62	100

4.3 Analisis Ujian Kebolehpercayaan (Cronbach Alpha) dan Kesahan Soalan Penempatan Pegawai Polis di Sekolah.

Ujian kebolehpercayaan ini dilakukan untuk mengukur instrumen kajian yang dijalankan. Penyelidik telah melakukan ujian koefisien kebolehpercayaan Cronbach Alpha dengan menggunakan julat sampel seramai 62 orang. Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan ke atas kesan penempatan pegawai polis di sekolah-sekolah yang dikaji, ia telah memberikan nilai $\alpha = 0.8727$. Merujuk kepada Sekaran (1992), nilai ini merupakan nilai yang agak baik dalam menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan. Ia menunjukkan ketekalan dalaman atau keseragaman soalan bagi faktor-faktor penempatan pegawai polis di sekolah dan boleh

diterima dalam konteks kajian ini. Ini boleh dijadikan pengukuran terbaik dalam mengkaji kesan penempatan pegawai polis di sekolah dan bagaimana program ini boleh disesuaikan jika diperbaiki dari masa ke semasa.

Dalam mengkaji kebolehpercayaan instrumen kesan penempatan pegawai polis di sekolah, sebanyak sebelas faktor yang terdiri daripada faktor salah laku dan faktor program polis telah dianalisis dan setiap faktor tersebut membawa kepada beberapa soalan dalam kajian ini.

Jadual 4.5 : Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kesan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah (N=62)

<i>Kesan Salah Laku dan Program Polis</i>	<i>Cronbach Alpha (α)</i>
1. Kesan ke atas salah laku jenayah	.9780
2. Kesan ke atas salah laku lucah	.9022
3. Kesan ke atas salah laku musnah	.9817
4. Kesan ke atas salah laku kurang sopan	.9741
5. Kesan ke atas salah laku tidak pentingkan masa	.9718
6. Kesan ke atas kegiatan ko-kurikulum	.9055
7. Kekerapan program pegawai polis di sekolah	.9135
8. Program pemeriksaan mengejut pegawai polis di sekolah	.8533
9. Program rondaan pegawai polis di sekolah	.8757
10. Program penglibatan pegawai polis dalam kegiatan ko-kurikulum	.7066
11. Program pemeriksaan mengejut pegawai polis di luar kawasan sekolah.	.9165
<i>Kesan Keseluruhan Program dan Penempatan Pegawai Polis di Sekolah</i>	.8727

Jadual 4.5 menunjukkan ujian kebolehpercayaan Cronbach Alpha telah dilakukan terhadap kesemua sebelas faktor-faktor tersebut. Berdasarkan kepada analisis ini, tiada faktor kesan penempatan pegawai polis di sekolah mempunyai nilai Cronbach Alpha di bawah 0.50 di mana nilai ini tidak akan diterima untuk pengukuran atau instrumen tersebut tidak boleh diterima apabila sesuatu ujian dijalankan nanti. Daripada jadual ini juga didapati kesan penempatan pegawai polis ke atas salah laku jenayah dan ke atas salah laku musnah telah memberikan nilai tertinggi iaitu $\alpha = 0.9780$ dan $\alpha = 0.9817$. Manakala faktor-faktor lain kesan salah laku telah memberikan nilai α melebihi 0.70 dalam menentukan kebolehpercayaannya.

4.4 Keputusan Analisis Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi Bagi Faktor-faktor Kesan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Bagi Mengatasi Masalah Salah Laku di Kalangan Pelajar

Dalam mengkaji kesan penempatan pegawai polis di sekolah-sekolah, penyelidik telah membahagikan kepada enam kategori salah laku dan lima kategori program polis di mana setiap salah laku dan program mempunyai persoalannya tersendiri. Analisis ini akan memberi satu bentuk keputusan sama ada penempatan pegawai polis di sekolah memberi kesan ke atas enam salah laku yang disenaraikan atau kesan tersebut datangnya daripada program-program yang dijalankan oleh pegawai polis di sekolah. Analisis ini juga bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat tentang frekuensi reaksi jawapan terhadap kesan penempatan dan program yang dijalankan di sekolah-sekolah di kalangan pengetua dan guru disiplin.

4.4.1 Bagi Mengatasi Masalah Salah Laku Jenayah

Jadual 4.6 menunjukkan min, sisihan piawai dan frekuensi untuk melihat keberkesanan program penempatan pegawai polis bagi mengatasi salah laku jenayah di kalangan pelajar sekolah dalam daerah Kota Setar. Daripada jadual ini, terdapat lapan jenis salah laku jenayah yang dikategorikan sebagai salah laku yang sering dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah dan didapati jenis salah laku jenayah berdasarkan salah laku dadah disenaraikan sebagai mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu $\bar{x} = 3.24$ dengan sisihan piawainya 1.29. Ini bermakna daripada senarai lapan jenis salah laku jenayah yang dikaji, didapati dengan adanya penempatan pegawai polis di sekolah ianya akan memberi kesan ke atas salah laku penggunaan dadah di kalangan pelajar sekolah. Ini boleh dibuktikan daripada sejumlah 62 orang responden yang terdiri daripada pengetua dan guru disiplin seramai 31 orang atau 50% mengatakan terdapat kesan yang positif dalam penempatan pegawai polis di sekolah mereka bagi mengurangkan gejala salah guna dadah di sekolah masing-masing. Indeks kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian salah laku jenayah berdasarkan salah guna dadah mempunyai Cronbach Alpha $\alpha = 0.9780$ (sila lihat Jadual 4.5).

Begitu juga apabila dilihat dari sudut faktor yang memberi kesan yang paling minima dalam program penempatan pegawai polis di sekolah didapati faktor salah laku melawan pengawas sekolah memberi kesan yang paling kurang iaitu dengan $\bar{x} = 2.81$ dan sisihan piawainya hanya 1.11 sahaja. Ini mungkin disebabkan pelajar lebih merasa takut dengan kehadiran pihak polis dan kurang memberi hormat kepada pengawas.

Jadual 4.6 : Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Ke Atas Salah Laku Jenayah

Item			Frekuensi				
N = 62	Min	Sisihan Piawai	1	2	3	4	5
Salah guna dadah	3.24	1.29	3	23	5	18	13
Berjudi	3.21	1.28	3	24	4	16	12
Ancam guru-guru	3.15	1.28	4	23	6	18	11
Ancam murid-murid	3.13	1.22	3	24	6	20	9
Mencuri	3.06	1.28	5	23	8	15	11
Buli	3.06	1.17	4	23	5	25	5
Melawan guru	2.92	1.19	3	30	5	17	7
Melawan pengawas	2.81	1.11	4	29	8	17	4

^a 1= Sangat Tidak Berkesan 2=Tidak Berkesan 3= Kurang Pasti 4= Berkesan 5= Sangat Berkesan

4.4.2 Bagi Mengatasi Salah Laku Lucah

Jadual 4.7 menyenaraikan tiga jenis kategori salah laku lucah yang kebiasaannya dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah. Daripada ketiga-tiga salah laku tersebut, salah laku membawa bahan lucah telah memberi kesan yang positif dengan adanya program penempatan pegawai polis di sekolah mereka. Ini boleh dilihat melalui nilai $\bar{x} = 3.05$ dan sisihan piawai = 1.18 bagi salah laku jenis ini. Ia diperkuatkan dengan sejumlah 62 orang responden yang terdiri daripada pengetua dan guru disiplin seramai 26 orang atau 42% menyatakan memang terdapat kesan yang positif apabila ditempatkan pegawai polis tersebut di sekolah mereka. Indeks kebolehpercayaan Cronbach Alpha $\alpha = 0.9022$ (sila lihat Jadual 4.5).

Jadual 4.7 : Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Ke Atas Salah Laku Lucah

Item			Frekuensi				
N = 62	Min	Sisihan Piawai	1	2	3	4	5
Bawa Bahan lucah	3.05	1.18	4	22	10	19	7
Lukis gambar lucah	2.81	1.07	5	25	11	19	2
Kata-kata lucah	2.74	0.97	3	28	15	14	2

^a 1= Sangat Tidak Berkesan 2=Tidak Berkesan 3= Kurang Pasti 4= Berkesan 5= Sangat Berkesan

4.4.3 Bagi Mengatasi Salah Laku Musnah

Penempatan pegawai polis di sekolah juga telah memberi kesan ke atas ketiga-tiga jenis kegiatan salah laku musnah di kalangan pelajar-pelajar sekolah di daerah Kota Setar. Ini boleh dilihat melalui Jadual 4.8 di mana lebih daripada 50% responden menyatakan terdapat kesan yang positif dalam program penempatan ini. Nilai tertinggi $\bar{x} = 3.08$ dan sisihan piawai tertinggi ialah $s.p = 1.23$. Kesan yang positif ini boleh tercapai disebabkan pelajar-pelajar yang mempunyai hasrat untuk melakukan perkara salah laku musnah ini akan lebih berhati-hati kerana tindakan dan hukuman yang bakal mereka terima jika ditangkap oleh pegawai polis adalah amat berat sekali. Indeks kebolehpercayaan Cronbach Alpha dalam kajian salah laku musnah ialah $\alpha = 0.9817$ (lihat Jadual 4.5).

Jadual 4.8 : Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Ke Atas Salah Laku Musnah

Item			Frekuensi				
N = 62	Min	Sisihan Piawai	1	2	3	4	5
Rosak harta guru	3.08	1.23	5	21	8	20	8
Rosak harta sekolah	3.06	1.23	5	22	6	22	7
Rosak harta murid	3.05	1.14	4	22	7	25	4

^a 1= Sangat Tidak Berkesan 2=Tidak Berkesan 3= Kurang Pasti 4= Berkesan 5= Sangat Berkesan

4.4.4 Bagi Mengatasi Salah Laku Kurang Sopan

Penempatan pegawai polis di sekolah tidak memberi kesan yang positif terhadap mengatasi salah laku kurang sopan di kalangan pelajar sekolah. Ini boleh dilihat dari jadual 4.9 yang menunjukkan bahawa daripada keempat-empat kategori salah laku kurang sopan, 50% responden menyatakan penempatan pegawai polis di sekolah mereka tidak memberikan kesan yang positif dalam membentuk pelajar-pelajar mereka untuk lebih bersopan. Daripada empat jenis salah laku kurang sopan yang disenarai oleh penyelidik, tidak hormat guru memberikan nilai min terendah iaitu $\bar{x} = 2.85$ dan sisihan piawainya $s.p = 1.01$. Hal ini boleh terjadi kerana pelajar-pelajar ini pada asasnya terbawa-bawa dengan sikap kurang sopan yang ditunjukkan oleh ibu bapa mereka di rumah dan juga keadaan sekeliling tempat tinggal mereka. Oleh itu, amat susah untuk membentuk keperibadian dan kesopanan pelajar-pelajar di sekolah semasa kehadiran polis di sekolah. Indeks kebolehpercayaan instrumen kajian ini ialah Cronbach Alphanya $\alpha = 0.9812$ (sila lihat Jadual 4.5).

Jadual 4.9 : Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Ke Atas Salah Laku Kurang Sopan

Item			Frekuensi				
N = 62	Min	Sisihan Piawai	1	2	3	4	5
Kasar dengan murid	3.02	1.11	2	24	14	15	7
Kasar dengan guru	2.98	1.06	2	25	11	20	4
Kasar dengan pengawas	2.94	1.07	3	24	13	18	4
Tidak hormat guru	2.85	1.01	2	27	14	16	3

* 1= Sangat Tidak Berkesan 2= Tidak Berkesan 3= Kurang Pasti 4= Berkesan 5= Sangat Berkesan

4.4.5 Bagi Mengatasi Salah Laku Tidak Pentingkan Masa

Dapat dilihat melalui Jadual 4.10 bahawa tiada kesan yang positif dalam penempatan pegawai polis di sekolah dalam mengatasi masalah salah laku tidak pentingkan masa di kalangan pelajar-pelajar sekolah yang dijadikan kajian. Lebih daripada 60% daripada responden menyatakan tiada kesan dalam penempatan pegawai polis ke atas mengatasi salah laku tidak pentingkan masa di kalangan pelajar-pelajar mereka. Akan tetapi jika dikaji daripada keempat-empat jenis salah laku tidak pentingkan masa, salah laku seperti berkeliaran merupakan jenis salah laku yang memberikan nilai min tertinggi dengan $\bar{x} = 3.05$ dan nilai sisihan piawainya ialah $s.p = 1.15$ dengan indeks kebolehpercayaan Cronbach Alpha ialah $\alpha = 0.9718$ (sila lihat Jadual 4.5).

Jadual 4.10 : Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Ke Atas Salah Laku Tidak Pentingkan Masa

Item			Frekuensi				
N = 62	Min	Sisihan Piawai	1	2	3	4	5
Berkeliraran	3.05	1.15	1	28	8	17	8
Makan luar sekolah	3.03	1.13	2	25	11	17	7
Datang lewat	2.90	1.13	3	27	11	15	6
Lewat ke perhimpunan	2.82	0.97	2	28	12	19	1

* 1= Sangat Tidak Berkesan 2=Tidak Berkesan 3= Kurang Pasti 4= Berkesan 5= Sangat Berkesan

4.4.6 Bagi Mengatasi Masalah Dalam Kegiatan Kokurikulum

Tujuan penempatan pegawai polis di sekolah juga adalah untuk melihat sejauh mana ianya boleh membantu mengatasi masalah yang terjadi dalam kegiatan kokuikulum di sekolah. Ini boleh dilihat melalui Jadual 4.11 yang menunjukkan bahawa ianya tidak memberikan kesan yang positif dalam mengatasi masalah dalam kegiatan kokurikulum harian pelajar-palajar sekolah. Ini dibuktikan apabila lebih 70% daripada responden mengatakan ianya tidak dapat mengatasi masalah dalam kegiatan kokurikulum. Nilai min tertinggi yang dicatatkan ialah $\bar{x} = 2.81$ dengan sisihan piawainya $s.p = 0.96$. Hal ini boleh terjadi kerana kebanyakan masalah dalam kokurikulum lebih selesa dirujuk kepada guru yang bertanggungjawab mengenai kegiatan kokurikulum masing-masing.

Jadual 4.11 : Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Ke Atas Kegiatan Ko-Kurikulum

Item			Frekuensi				
			1	2	3	4	5
N = 62	Min	Sisihan Piawai					
Melawan guru ko-kurikulum	2.81	0.96	2	27	16	15	2
Tidak patuh peraturan ko-kurikulum	2.79	0.94	2	28	14	17	1

* 1= Sangat Tidak Berkesan 2=Tidak Berkesan 3= Kurang Pasti 4= Berkesan 5= Sangat Berkesan

4.5 Keputusan Analisis Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi Keberkesanan Program-program Polis Yang Dijalankan Di Sekolah Bagi Mengatasi Salah Laku Pelajar

Dalam menempatkan pegawai-pegawai polis di sekolah-sekolah, terdapat beberapa program yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai polis bagi mendekatkan lagi hubungan di antara pihak sekolah, pelajar dan juga polis dalam mengatasi masalah yang timbul. Kajian ini melihat keberkesanan penempatan pegawai polis dengan program-program polis yang dilaksanakan di sekolah. Aspek-aspek yang diteliti ialah :-

- kekerapan program-program yang dirangkakan,
 - program pemeriksaan mengejut di dalam kawasan sekolah,
 - program rondaan pegawai polis di sekolah,
 - program pemeriksaan mengejut pegawai polis di luar kawasan sekolah,
- dan

- program penglibatan pegawai polis dalam kegiatan ko-kurikulum sekolah.

Program-program ini dilihat memberi kesan terhadap salah laku pelajar-pelajar dan seterusnya dapat menanamkan sikap disiplin yang tinggi di kalangan pelajar tersebut. Jika dilihat daripada analisis kebolehpercayaan instrumen kesan penempatan pegawai polis di sekolah melalui lima soal selidik program didapati ianya memberikan indeks Cronbach Alpha yang tinggi iaitu $\alpha = 0.7066$ hingga 0.9165 (sila lihat Jadual 4.5).

Di antara program-program yang dilaksanakan oleh pegawai polis bagi melihat sejauh mana ianya memberi kesan terhadap salah laku pelajar di sekolah mereka ialah :-

4.5.1 Keberkesanan Kekerapan Program Yang Dilaksanakan

Jadual 4.12 menunjukkan terdapat kesan yang amat positif apabila dilaksanakan sesuatu program dengan lebih kerap oleh pegawai polis. Ini boleh dibuktikan apabila lebih 58 orang atau 94% daripada responden mengatakan kekerapan program kaunseling yang dilaksanakan oleh pegawai polis telah membawa kesan yang positif di kalangan pelajar-pelajar di sekolah mereka dengan $\bar{x} = 4.15$ dan sisihan piawainya $s.p = 0.57$. Begitu juga dengan kekerapan program ceramah lebih 57 orang atau 93% responden bersetuju bahawa kekerapan program ceramah yang dilaksanakan memberikan kesan yang positif terhadap salah laku pelajar-pelajar mereka dengan $\bar{x} =$

4.06 dan sisihan piawainya $s.p = 0.60$. Kedua-dua program ini mempunyai indeks kebolehpercayaan Cronbach Alpha $\alpha = 0.9135$ (sila lihat Jadual 4.5).

Jadual 4.12 : Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Terhadap Kekerapan Program

Item			Frekuensi				
N = 62	Min	Sisihan Piawai	1	2	3	4	5
Program kaunseling	4.15	0.57	-	1	3	44	14
Program ceramah	4.06	0.60	-	2	3	46	11

^a 1= Sangat Tidak Berkesan 2=Tidak Berkesan 3= Kurang Pasti 4= Berkesan 5= Sangat Berkesan

4.5.2 Keberkesanan Program Pemeriksaan Mengejut Pegawai Polis di Kawasan Sekolah

Program pemeriksaan mengejut yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai polis di sekolah juga boleh memberi kesan yang positif dalam mengatasi salah laku pelajar-pelajar sekolah. Jadual 4.13 menunjukkan bahawa 56 orang atau 90% daripada responden bersetuju bahawa program pemeriksaan mengejut terhadap lesen kenderaan pelajar oleh pegawai polis di sekolah memberi kesan untuk mengurangkan salah laku di kalangan pelajar mereka. Ini boleh dibuktikan dengan nilai tinggi iaitu $\bar{x} = 4.35$ dan sisihan piawainya 0.85. Begitu juga dalam program pemeriksaan mengejut terhadap air kencing pelajar yang memberikan nilai yang tinggi iaitu $\bar{x} = 4.29$ dan sisihan piawainya 0.82. Kedua-dua soal selidik yang melihat keberkesanan pemeriksaan

mengejut telah memberikan indeks kebolehpercayaan $\alpha = 0.8533$ (sila lihat Jadual 4.5).

Jadual 4.13 : Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Terhadap Program Pemeriksaan Mengejut

Item			Frekuensi				
			1	2	3	4	5
N = 62	Min	Sisihan Piawai					
Periksa lesen kenderaan	4.35	0.85	1	2	3	24	32
Periksa air kencing	4.29	0.82	-	3	5	25	29

^a 1= Sangat Tidak Berkesan 2=Tidak Berkesan 3= Kurang Pasti 4= Berkesan 5= Sangat Berkesan

4.5.3 Keberkesanan Program Rondaan Oleh Pegawai Polis Di Sekolah

Terdapat tiga kategori rondaan yang di senaraikan dalam kajian ini. Jadual 4.14 menunjukkan bahawa program rondaan dengan menggunakan motosikal polis di sekolah telah memberikan kesan yang positif untuk membendung salah laku pelajar. Ini boleh dibuktikan dengan 54 orang atau 87% responden menyatakan terdapat kesan positif apabila pegawai polis membuat rondaan dengan bermotosikal di sekolah mereka. Ini kerana, kaedah menunjukkan kehadiran pihak polis di sekolah memberikan kesan yang mendalam di kalangan pelajar. Nilai min yang diperolehi juga tinggi iaitu $\bar{x} = 4.27$ dengan sisihan piawainya 0.77. Begitu juga dengan kategori rondaan berjalan kaki dan rondaan menggunakan kereta polis di mana rondaan jenis ini juga memberikan nilai min yang tinggi iaitu $\bar{x} = 4.19$ dan 4.16 dengan sisihan piawainya 0.76 dan 0.77. Ini membuktikan bahawa kehadiran pegawai polis dengan kaedah rondaan bermotosikal, berjalan kaki dan berkereta peronda boleh memberi kesan yang

amat baik dan berkesan untuk mengatasi masalah salah laku pelajar. Indeks kebolehppercayaan bagi soalan ini memberikan nilai Cronbach Alpha yang tinggi iaitu $\alpha = 0.8757$ (sila lihat Jadual 4.5).

Jadual 4.14 : Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Terhadap Program Rondaan

Item			Frekuensi				
			1	2	3	4	5
N = 62	Min	Sisihan Piawai					
Ronda motosikal polis	4.27	0.77	-	2	6	27	27
Ronda jalan kaki polis	4.19	0.76	-	2	7	30	23
Ronda kereta polis	4.16	0.77	-	2	8	30	22

^a 1= Sangat Tidak Berkesan 2=Tidak Berkesan 3= Kurang Pasti 4= Berkesan 5= Sangat Berkesan

4.5.4 Keberkesanan Program Penglibatan Pegawai Polis Dalam Kegiatan Kokurikulum Di Sekolah

Penglibatan pegawai polis dalam kegiatan kokurikulum juga boleh memainkan peranan dalam mengatasi masalah salah laku di kalangan pelajar sekolah. Dalam kajian ini, penyelidik hanya mengkategorikan dua jenis kegiatan kokurikulum iaitu Kadet Polis dan persatuan-persatuan lain. Daripada dua jenis kegiatan kokurikulum ini, 59 orang atau 95% daripada sejumlah 62 orang responden telah bersetuju bahawa terdapat kesan yang positif apabila pegawai polis melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum Kadet yang mana nilai minnya tinggi iaitu $\bar{x} = 4.27$ dan sisihan piawainya 0.55. Begitu juga dengan penglibatan pegawai polis dalam persatuan-persatuan lain dengan nilai minnya

$\bar{x} = 3.97$ dan sisihan piawainya 0.63 (sila lihat Jadual 4.15). Instrumen kajian kebolehpercayaan bagi soal selidik terhadap penglibatan pegawai polis dalam kegiatan kokurikulum telah menghasilkan nilai Cronbach Alpha $\alpha = 0.7066$ (sila lihat Jadual 4.5).

Jadual 4.15 : Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Terhadap Program Penglibatan Polis Dalam Ko-Kurikulum

Item			Frekuensi				
N = 62	Min	Sisihan Piawai	1	2	3	4	5
Kadet polis	4.27	0.55	-	-	3	39	20
Persatuan-persatuan lain	3.97	0.63	-	-	13	38	11

* 1= Sangat Tidak Berkesan 2=Tidak Berkesan 3= Kurang Pasti 4= Berkesan 5= Sangat Berkesan

4.5.5 Keberkesanan Program Pemeriksaan Mengejut Pegawai Polis Di Luar Kawasan Sekolah

Program pemeriksaan mengejut yang dilakukan oleh pegawai polis di luar kawasan sekolah memberikan kesan yang positif bagi mengatasi masalah salah laku yang ada pada pelajar-pelajar sekolah. Ini boleh di buktikan melalui Jadual 4.16 yang menyenaraikan dua jenis pemeriksaan mengejut iaitu pemeriksaan ke atas lesen motosikal dan ponteng sekolah. Didapati pemeriksaan mengejut ke atas lesen motosikal pelajar yang dibuat di luar kawasan sekolah telah memberikan nilai min tertinggi iaitu $\bar{x} = 4.45$ dengan sisihan piawainya 0.74 dengan 60 orang atau 97% daripada responden bersetuju bahawa kaedah ini memberi kesan yang positif dalam

mengatasi masalah salah laku pelajar. Begitu juga dengan pemeriksaan mengejut ke atas fenomena ponteng sekolah di kalangan pelajar-pelajar, di dapati nilai min yang disumbangkan ialah $\bar{x} = 4.34$ dengan nilai sisihan piawainya 0.87. Soal selidik dalam program pemeriksaan mengejut di luar kawasan sekolah telah memberikan nilai indeks kebolehpercayaan Cronbach Alpha $\alpha = 0.9165$ (sila lihat Jadual 4.5).

Jadual 4.16 : Min, Sisihan Piawai dan Frekuensi Bagi Keberkesanan Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah Terhadap Program Pemeriksaan Mengejut Di Luar Sekolah

Item			Frekuensi ^a				
N = 62	Min	Sisihan Piawai	1	2	3	4	5
Periksa lesen motosikal	4.45	0.74	1	1	-	27	33
Periksa poteng sekolah	4.34	0.87	2	1	1	28	30

^a 1= Sangat Tidak Berkesan 2=Tidak Berkesan 3= Kurang Pasti 4= Berkesan 5= Sangat Berkesan

4.6 Keputusan Analisis Korelasi Di Antara Faktor Salah Laku Pelajar Dengan Program Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah

Jadual 4.17 memperlihatkan hubungan kesemua faktor salah laku dengan program-program yang dilaksanakan oleh pegawai polis untuk melihat keberkesanan penempatan pegawai polis di sekolah-sekolah menengah yang dikaji di sekitar daerah Kota Setar, Kedah. Faktor-faktor ini meliputi nilai min, sisihan piawai dan koefisien korelasi Pearson. Korelasi terhadap pembolehubah-pembolehubah ini bertujuan untuk

Jadual 6.17: Analisa Korelasi Di Antara Salah Laku Pelajar Dengan Program Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah

N=62	Jenayah	Salah laku lucuh	Salah laku musnah	Salah laku kurang sopan	Tidak tepat masa	Kokurikulum	Kerap program	Periksa mengejut	Program ronda	Program libat	Periksa mengejut di luar
Jenayah	1.000										
Salah laku Lucuh	.863**	1.000									
Salah laku Musnah	.943**	.833**	1.000								
Salah laku Kurang sopan	.000	.000									
Salah laku	.847**	.829**	.851**	1.000							
Tidak tepat masa	.000	.000	.000	.753**	1.000						
Kokurikulum	.853**	.787**	.837**	.000	.846**	1.000					
Kerap Program	.000	.000	.810**	.763**	.000	.188	1.000				
Periksa Mengejut	.822**	.755**	.000	.000	.172	.144	.279*	1.000			
Program ronda	.000	.000	.214	.175	.207	.117	.028	.595**	1.000		
Program Libat	.251*	.227	.094	.174	.107	.367	.382*	.000	.027	1.000	
Periksa Mengejut di luar	.049	.075	.095	.256*	.039	.146	.002	.017	.833		
	.237	.166	.465	.045	.237	.131	.225	.895	.349**		
	.064	.196	-.052	-.191	.064	.309	.079	.553*	.005	1.000	
	-.096	-.227			.019	-.019	.035			-.039	
	.456	.077	.686	.138	.885	.884	.785	.000	.005	.761	

**Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

*Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed)

mengkaji secara lebih dekat samada terdapat hubungan yang wujud di antara faktor salah laku dengan program yang dilaksanakan oleh pegawai polis.

Dengan adanya analisis korelasi bagi faktor ini akan membolehkan tumpuan diberikan kepada program yang benar-benar memberi kesan untuk mengatasi satu-satu jenis salah laku yang ada pada pelajar-pelajar sekolah. Tumpuan sebegini akan menjimatkan masa dan memberi kesan yang paling baik bagi mengatasi masalah salah laku di kalangan pelajar.

Jika dilihat daripada Jadual 4.17, terdapat hubungan yang signifikan di antara salah laku lucah di kalangan pelajar sekolah dengan program pemeriksaan mengejut dalam kawasan sekolah yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai polis ($p < 0.05$). Ini mungkin disebabkan penerapan perasaan rasa takut di kalangan pelajar-pelajar apabila melihat kehadiran pegawai polis di sekolah mereka. Dapatan ini juga konsisten dengan dapatan kajian oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1999 di mana ia menunjukkan salah laku lucah di kalangan pelajar adalah tidak di tahap serius atau membimbangkan (Laporan Kajian Gengsterism, Kementerian Pendidikan, 1999).

Begitu juga terdapat hubungan yang signifikan di antara salah laku jenayah dengan program rondaan yang dilaksanakan oleh pegawai polis di sekolah-sekolah ($P < 0.05$). Program rondaan ini termasuklah program rondaan bermotosikal, berjalan kaki dan berkereta polis di dalam kawasan sekolah. Keputusan sebegini tercapai kerana program ini boleh memberi kesan kepada pelajar-pelajar yang merasa selamat daripada masalah

salah laku jenayah yang hendak berlaku atau ingin dilakukan oleh pelajar-pelajar lain. Dapatan sebegini adalah konsisten dengan dapatan daripada hasil kajian yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan pada tahun 1999 yang mendapati bahawa tahap kegiatan pelajar-pelajar dalam salah laku jenayah adalah di tahap tidak serius dalam kawasan sekolah (Laporan kajian Gengsterism, Kementerian Pendidikan, 1999).

Terdapat juga hubungan yang signifikan di antara salah laku tidak tepat masa di kalangan pelajar dengan program rondaan yang dilaksanakan oleh pegawai polis ($P < 0.05$). Ini mungkin disebabkan kekerapan program rondaan oleh pihak polis di kawasan sekolah akan menyebabkan pelajar-pelajar tidak mahu menampakkan diri mereka masih berkeliaran di luar kawasan sekolah yang membolehkan mereka dipersoalkan oleh pihak polis yang membuat rondaan. Ini menunjukkan program yang mempunyai hubungan yang signifikan merupakan satu program yang berjaya dan boleh dijadikan satu panduan bagi mengatasi masalah salah laku pelajar yang sentiasa tidak menepati masa dalam urusan persekolahan mereka.

Terdapat juga hubungan yang signifikan di antara salah laku kurang sopan di kalangan pelajar dengan program penglibatan pegawai polis dalam kegiatan berpersatuan di sekolah ($P < 0.05$). Kegiatan berpersatuan ini termasuklah kegiatan Kadet Polis dan persatuan-persatuan lain di sekolah. Ini berkemungkinan disebabkan pegawai polis yang ditempatkan di sesebuah sekolah memainkan peranan yang aktif untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada pelajar-pelajar semasa diadakan aktiviti berpersatuan.

Akhir sekali, dalam analisis korelasi ini didapati terdapat hubungan yang signifikan di antara program pemeriksaan mengejut yang dilaksanakan oleh pegawai polis di luar kawasan sekolah dengan masalah salah laku tidak tepat masa di kalangan pelajar ($P < 0.05$) dan kegiatan ko-kurikulum di kalangan pelajar ($P < -0.019$). Terdapat hubungan yang signifikan di antara salah laku tidak tepat masa dengan program pemeriksaan mengejut di luar kawasan sekolah disebabkan seperti mana yang dinyatakan sebelum ini berkemungkinan pelajar-pelajar merasa bimbang jika di hari mereka lewat datang atau ponteng sekolah terdapat program pemeriksaan mengejut. Walaupun kegiatan ko-kurikulum dengan pemeriksaan mengejut mempunyai hubungan yang signifikan, tetapi hubungan ini merupakan hubungan yang negatif.

Maka, boleh dinyatakan di sini bahawa setiap jenis program yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan jenis salah laku yang dibuat oleh pelajar-pelajar boleh dijadikan asas dan panduan bagi merangka strategi untuk mengatasi masalah salah laku yang ada pada masa akan datang dan seterusnya dapat meningkatkan mutu disiplin di kalangan pelajar sekolah.

4.7 Keputusan Analisis Regresi Berganda Pembolehubah Salah Laku Pelajar

Analisis regresi berganda ini dijalankan bertujuan untuk melihat kesan hubungan di antara enam pembolehubah salah laku pelajar dengan:-

- keseluruhan program penempatan pegawai polis di sekolah,

- kekerapan program yang dilaksanakan oleh pegawai polis di sekolah, dan
- program pemeriksaan mengejut pegawai polis di luar kawasan sekolah.

4.7.1 Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar dengan Keseluruhan Program Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah

Melalui analisis regresi berganda seperti dalam Jadual 4.18 memperlihatkan bahawa program penempatan pegawai polis di sekolah yang dilaksanakan memberi kesan yang positif hanya kepada pembolehubah salah laku lucah dan salah laku tidak tepat masa. Walaupun berkemungkinan program lain mempunyai pengaruh yang kuat ke atas pembolehubah-pembolehubah sedia ada tetapi dalam program ini ianya telah memberikan *Adjusted R Square* yang kurang daripada 1% iaitu 0.080.

Terdapat dua jenis salah laku yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan program penempatan polis di sekolah iaitu salah laku lucah dan salah laku tidak tepat masa. Walau bagaimanapun, salah laku lucah mempunyai Beta (β) yang negatif $\beta = -0.0520$. Ini berkemungkinan disebabkan ada faktor-faktor seperti program-program lain yang menyumbang ke arah keberkesanan salah laku ini. Manakala dalam salah laku tidak tepat masa ia telah memberikan keputusan Beta (β) yang positif iaitu $\beta = 0.0533$. Ini menunjukkan program penempatan polis di sekolah telah berjaya mendidik pelajar-pelajar untuk menepati masa mereka.

Jadual 4.18 : Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar Dengan Keseluruhan Program Penempatan Polis

*****Multiple Regression*****					
Dependent Variable : Program Penempatan Polis					
Multiple R	:	.413			
R Square	:	.170			
Adjusted R Square	:	.080			
Standard Error	:	.4120			
Analyse of Variance	Df	SS	MS	F	Sig F
Regression	6	1.916	.319	1.881	.100
Residual	55	9.336	.170		
-----Variable in the equation-----					
Variable	B	SE B	BETA	T	Sig T
Salah laku jenayah	.262	.159	.699	1.645	.106
Salah laku lucah	-.227	.115	-.520	-1.964	.050
Salah laku musnah	-.168	.143	-.461	-1.176	.245
Salah laku kurang sopan	1.640E-02	.110	.039	.150	.882
Salah laku tidak tepat masa	.217	.112	.533	1.946	.050
Kegiatan ko-kurikulum	-5.359E-02	.119	.113	-.449	.655
(constant)	4.051	.182		22.287	.000

Kesimpulan daripada analisis ini telah membolehkan pihak sekolah dan pihak berkuasa lain merangkakan strategi-strategi yang lebih berkesan melalui dua penemuan ini bagi meningkatkan lagi disiplin di kalangan pelajar mereka. Sebagai contoh, melalui program penempatan pegawai polis , pihak sekolah boleh memberi tumpuan kepada pelajar-pelajar yang mempunyai masalah disiplin seperti ini dengan memperkenalkan hukuman yang lebih berat atau memberikan nasihat melalui kaedah kaunseling . Ini akan memberi kesan yang mendalam di kalangan pelajar tersebut dan kaedah ini boleh

diperluaskan kepada masalah-masalah lain yang ada kaitan dengan program yang sama.

4.7.2 Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar Dengan Kesan Kekerapan Program Polis

Melalui analisis regresi berganda juga ianya telah menunjukkan keberkesanan kekerapan program polis di sekolah seperti program ceramah dan program kaunseling ke atas salah laku musnah yang dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah. Salah laku musnah ini termasuklah merosakkan harta benda sekolah, harta benda guru dan harta benda pelajar lain. Keberkesanan kekerapan program ke atas pembolehubah ini boleh dibuktikan melalui *Adjusted R Square* yang kurang daripada 1% iaitu 0.049 seperti mana ditunjukkan melalui Jadual 4.19.

Walaupun salah laku musnah ini memberikan nilai Beta yang negatif iaitu $\beta = -0.822$, ini berkemungkinan adanya program-program lain yang menyumbangkan kepada keberkesanan mengatasi salah laku jenis ini. Akan tetapi bagi pihak berkuasa sekolah dan juga pihak pegawai polis yang dilantik sebagai pegawai perhubungan sudah tentu boleh merangkakan strategi-strategi yang berkesan bagi mengatasi masalah salah laku jenis ini seperti meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti ceramah dan kaunseling di kalangan pelajar.

Jadual 4.19 : Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar Dengan Kesan Kekerapan Program Polis

*****Multiple Regression*****					
Dependent Variable : Kesan Kekerapan Program					
Multiple R	: .378				
R Square	: .143				
Adjusted R Square	: .049				
Standard Error	: .55				
Analyse of Variance	Df	SS	MS	F	Sig F
Regrssion	6	2.721	.453	1.526	.187
Residual	55	16.348	.197		
————Variable in the equation————					
Variable	B	SE B	BETA	T	Sig T
Salah laku jenayah	.389	.211	.798	1.845	.070
Salah laku lucah	-.232	.153	-.409	-1.520	.134
Salah laku musnah	-.390	.189	-.822	-2.064	.044
Salah laku kurang sopan	.209	.145	.383	1.444	.154
Salah laku tidak tepat masa	5.969E-02	.148	.112	.404	.688
Kegiatan ko-kurikulum	7.356E-02	.158	.119	.466	.643
(constant)	3.772	.241		15.683	.000

Kesimpulannya, melalui kekerapan program polis seperti ceramah dan khidmat nasihat kaunseling yang diberikan akan membolehkan pelajar-pelajar diberi nasihat secara terus dan akan membolehkan pelajar-pelajar berinteraksi dan mengemukakan berbagai-bagai persoalan atau kemusykilan yang selama ini mereka merasa kurang pasti kepada pegawai polis yang ditempatkan di sekolah mereka. Hasil daripada keputusan kajian ini juga akan membolehkan pegawai-pegawai polis yang diberi tanggungjawab membuat persediaan yang lebih rapi dan mudah untuk memberi tumpuan bagi mengatasi sebarang masalah salah laku dan disiplin di kalangan pelajar sekolah.

4.7.3 Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar Dengan Program Penglibatan Ko-Kurikulum

Program penglibatan pegawai polis dalam kegiatan kokurikulum di sekolah juga memberi kesan yang amat baik ke atas pembolehubah-pembolehubah salah laku jenayah, salah laku musnah dan salah laku kurang sopan. Ini boleh dibukti daripada Jadual 4.20 di mana *Adjusted R Square* yang diperolehi adalah kurang daripada 1% iaitu 0.245.

Penglibatan pegawai polis dalam kegiatan kokurikulum seperti kadet polis dan persatuan-persatuan lain telah menyebabkan salah laku seperti jenayah dan sikap kurang sopan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar menjadi kurang dan menurun di sesebuah sekolah. Ini boleh dilihat melalui nilai Beta yang diperolehi daripada kedua-dua pembolehubah dalam Jadual 4.21 iaitu $\beta = 1.214$ dan 0.588 . Keadaan seperti ini boleh berlaku disebabkan adanya kehadiran pegawai polis dalam satu-satu persatuan telah menyebabkan pelajar-pelajar yang biasa melakukan salah laku jenayah atau kurang sopan atau pelajar-pelajar yang mempunyai niat untuk melakukan salah laku seperti itu akan merasakan diri mereka sentiasa diawasi oleh pegawai polis tersebut.

Begitu juga dengan pembolehubah salah laku musnah, walaupun ianya memberikan nilai Beta yang negatif iaitu $\beta = - 1.417$ akan tetapi melalui program penglibatan pegawai polis dalam kegiatan kokurikulum di sekolah telah memberi kesan yang baik ke atas salah laku jenis ini. Nilai Beta yang negatif yang diperolehi daripada

pembolehubah ini disebabkan ada kemungkinan terdapatnya program lain selain daripada program penglibatan pegawai polis dalam kegiatan kokurikulum yang memberi kesan yang positif dalam mengatasi masalah salah laku musnah.

Jadual 4.20 : Analisis Regresi Berganda Pembolehubah Salah Laku Pelajar Dengan Program Penglibatan Ko-Kurikulum

*****Multiple Regression*****					
Dependent Variable : Program Penglibatan Ko-kurikulum					
Multiple R	: .565				
R Square	: .319				
Adjusted R Square	: .245				
Standard Error	: .45				
Analyse of Variance	Df	SS	MS	F	Sig F
Regrssion	6	5.220	.870	4.302	.001
Residual	55	11.123	.202		
-----Variable in the equation-----					
Variable	B	SE B	BETA	T	Sig T
Salah laku jenayah	.548	.174	1.214	3.151	.003
Salah laku lucah	-.158	.126	-.302	-1.257	.214
Salah laku musnah	-.653	.156	-1.417	-3.994	.000
Salah laku kurang sopan	.297	.120	.588	2.486	.016
Salah laku tidak tepat masa	.225	.122	.458	1.848	.070
Kegiatan ko-kurikulum	-.186	.130	-.326	-1.431	.158
(constant)	3.780	.198		19.055	.000

Melalui hasil dapatan analisis regresi berganda ini, pihak sekolah dan pihak berkuasa yang lain seperti polis boleh merangka strategi-strategi yang lebih berkesan melalui program penglibatan polis dalam kegiatan kokurikulum seperti mengalakkan lebih ramai pelajar-pelajar yang mempunyai rekod salah laku untuk menceburi atau menganggotai mana-mana persatuan di sekolah.

4.7.4 Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar Dengan Program Pemeriksaan Luar Sekolah

Program pemeriksaan mengejut pegawai polis di luar kawasan sekolah telah memberi kesan ke atas pembolehubah jenis salah laku lucah yang dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah. Ini boleh dibuktikan melalui Jadual 4.21 di mana melalui analisis regresi berganda yang dijalankan ianya telah menghasilkan *Adjusted R Square* kurang daripada 1% iaitu 0.104.

Walaupun program pemeriksaan mengejut oleh pihak polis di luar kawasan sekolah telah memberi kesan ke atas salah laku lucah di kalangan pelajar sekolah, tetapi pembolehubah ini telah memberi nilai Beta yang negatif iaitu $\beta = - 0.564$. Ini berkemungkinan terdapat program-program lain yang menyumbangkan ke arah keberkesanan bagi mengatasi masalah salah laku lucah di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Melalui program pemeriksaan mengejut oleh pegawai polis di luar kawasan sekolah seperti pemeriksaan lesen motosikal dan pemeriksaan ponteng sekolah di kalangan pelajar menyebabkan pelajar-pelajar yang biasa melakukan salah laku tersebut atau yang mempunyai hasrat melakukan salah laku jenis ini di sekolah akan berfikir banyak kali atau melupakan hasrat dan niat tersebut. Hasil daripada analisis ini akan membantu pihak sekolah dan pihak berkuasa lain seperti polis untuk menentukan program pemeriksaan mengejut di luar kawasan sekolah diteruskan dengan lebih kerap lagi

melalui strategi-strategi dan pendekatan yang lebih berkesan bagi mengatasi masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah.

Jadual 4.21 : Analisis Regresi Berganda Pemboleh Ubah Salah Laku Pelajar Dengan Program Pemeriksaan Luar Sekolah

*****Multiple Regression*****					
Dependent Variable : Program Pemeriksaan Luar Sekolah					
Multiple R	: .438				
R Square	: .192				
Adjusted R Square	: .104				
Standard Error	: .73				
Analyse of Variance	Df	SS	MS	F	Sig F
Regrssion	6	7.019	1.170	2.177	.059
Residual	55	29.550	.537		
-----Variable in the equation-----					
Variable	B	SE B	BETA	T	Sig T
Salah laku jenayah	-.120	.283	-.177	-.423	.674
Salah laku lucah	-.443	.205	-.564	-2.156	.035
Salah laku musnah	.298	.254	.454	1.174	.246
Salah laku kurang sopan	-.259	.195	-.343	-1.331	.189
Salah laku tidak tepat masa	.296	.199	.402	1.488	.142
Kegiatan ko-kurikulum	9.104E-02	.212	.107	.429	.669
(constant)	4.756	.323		14.710	.000

BAB V

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab yang memberi tumpuan kepada rumusan hasil daripada keputusan yang di perolehi melalui analisis-analisis mengenai penempatan pegawai polis di sekolah bagi mengatasi masalah salah laku pelajar yang telah dibentangkan dalam bab IV. Rumusan ini pula dibincangkan dengan mengaitkan dapatan-dapatan daripada kajian literatur yang telah dibentangkan dalam bab II sebelum ini. Ini penting untuk menentukan samada kajian yang telah dijalankan ini mempunyai persamaan atau boleh dijadikan sokongan kepada hasil penemuan dalam kajian-kajian sebelum ini dan seterusnya dapat menyumbang ke arah kajian pada masa akan datang. Hasil daripada perbincangan dalam bab ini juga akan menyediakan asas dan hala tuju bagi menyediakan cadangan-cadangan berkaitan dengan penempatan pegawai polis di sekolah untuk mengatasi masalah salah laku pelajar dan seterusnya dapat meningkatkan tahap disiplin pelajar-pelajar pada masa akan datang.

5.2 Rumusan Hasil Kajian

Hasil kajian mengenai penempatan polis di sekolah-sekolah menengah harian dalam daerah Kota Setar boleh dijadikan garis panduan bagi mengatasi masalah salah laku pelajar di sekolah dan seterusnya dijadikan asas bagi merangka strategi meningkatkan lagi tahap disiplin di kalangan pelajar pada kini dan pada masa hadapan. Rumusan yang diperolehi daripada dapatan kajian ini boleh di kategori seperti di bawah :-

5.2.1 Penempatan Pegawai Polis Di Sekolah

Penempatan pegawai polis di sekolah-sekolah menengah memang telah lama diwujudkan bagi memastikan hubungan di antara sekolah dan pihak berkuasa polis dapat diteruskan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Seperti mana yang telah dinyatakan dalam bab pertama bahawa penempatan ini bermula melalui prinsip kerjasama di antara polis dan sekolah pada tahun 1974 melalui penubuhan persatuan yang ada kaitan dengan pihak polis seperti persatuan kadet polis. Ianya diteruskan lagi melalui penubuhan berbagai-bagai kelab dan persatuan seperti Persatuan Trafik Polis dan Kelab Pencegahan Jenayah.

Penubuhan kelab dan persatuan seperti ini bertujuan untuk mendidik pelajar-pelajar sekolah agar lebih berdisiplin dan bertanggungjawab sebagai seorang pelajar. Tujuan yang baik ini telah menyebabkan pihak berkuasa polis meningkatkan kerjasama di antara sekolah dan polis melalui program 'Bapa Angkat Sekolah' dengan

menempatkan seorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas sebagai pegawai perhubungan awam polis sekolah pada tahun 1994. Matlamat program ini adalah untuk membantu pihak sekolah mengatasi masalah salah laku di kalangan pelajar sekolah (Arahan Ketua Polis Negara dalam KPN (PR) 86/19 bertarikh 5hb November 1994).

Penempatan pegawai polis di sekolah dalam program seperti bapa angkat sekolah boleh membantu pihak berkuasa sekolah merangka berbagai-bagai strategi bagi meningkatkan tahap disiplin pelajar dan seterusnya dapat membendung masalah salah laku di kalangan pelajar. Ini semua boleh dijayakan dengan adanya semangat kerjasama yang erat di antara pihak polis dan sekolah.

Kajian ini mendapati program penempatan ini mempunyai kesan ke atas beberapa salah laku pelajar sekolah dan juga tidak mempunyai kesan bagi beberapa jenis salah laku lain yang di kaji. Akan tetapi, penempatan pegawai polis di sekolah didapati mempunyai kesan yang baik dalam program-program yang dirangkakan oleh pegawai-pegawai polis itu sendiri di sekolah-sekolah di mana mereka dipertanggungjawabkan sebagai bapa angkat sekolah.

5.2.2 Kesan Penempatan Pegawai Polis ke Atas Enam Jenis Salah Laku Pelajar

Dalam menentukan kesan program penempatan pegawai polis di 34 buah sekolah menengah harian yang dikaji dalam daerah Kota Setar, penyelidik mengkategorikan

salah laku kepada enam jenis. Jenis salah laku ini merupakan jenis yang lazim dibuat oleh pelajar dan ianya merupakan antara standard salah laku yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merekodkan tahap disiplin pelajar-pelajar sekolah (Bahagian Rekod Salah Laku dan Disiplin Pelajar, Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar). Rekod statistik salah laku pelajar dan disiplin boleh dilihat melalui Jadual 5.1.

Jadual 5.1 : Perbandingan Jenis Salah Laku Pelajar Mengikut Tahun di Daerah Kota Setar, Kedah.

Jenis salah laku	1998	1999	2000	Jumlah
Salah laku jenayah	21	79	15	115
Salah laku lucah	10	9	0	19
Salah laku musnah	9	7	1	17
Salah laku kurang sopan	31	42	78	151
Salah laku tidak penting masa	0	3	5	8
Salah laku terhadap Ko-K	0	9	10	19
Jumlah	71	149	109	329

Sumber :- Bahagian rekod salah laku dan disiplin pelajar, Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar , 2000.

Keberkesanan penempatan pegawai polis di sekolah dengan jenis salah laku yang dibuat oleh pelajar-pelajar sekolah boleh dilihat seperti berikut :-

- a) Keberkesanan penempatan pegawai polis dengan salah laku jenayah di sekolah

Terdapat lapan jenis salah laku jenayah yang di kategori dalam kajian ini. Antara yang mempunyai kesan yang positif dengan program penempatan pegawai polis di sekolah ialah daripada jenis kategori salah gunakan dadah, berjudi, ancam guru, ancam murid, mencuri dan buli di kalangan pelajar sekolah. Enam jenis salah laku jenayah ini mempunyai kesan apabila adanya program penempatan polis di sekolah disebabkan kesedaran yang diterapkan di kalangan pelajar-pelajar akan bahaya dan hukuman yang bakal diterima jika mereka diambil tindakan oleh pihak polis. Manakala dua jenis salah laku jenayah iaitu melawan guru dan pengawas tidak memberi kesan dengan adanya program penempatan pegawai polis di sekolah disebabkan kedua-dua jenis ini merupakan salah laku jenayah yang biasa terjadi dalam mana-mana sekolah dan ianya dianggap satu jenis kesalahan disiplin yang kecil oleh pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar juga tahu bahawa salah laku jenis ini pada kebiasaanya akan diambil tindakan di peringkat sekolah dan tidak akan di bawa ke peringkat polis.

Statistik rekod salah laku dan disiplin pelajar daripada Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar, telah membuktikan penurunan kadar salah laku jenayah yang dibuat oleh pelajar-pelajar seperti mana dalam Jadual 5.1. Pada tahun 1998, jumlah pelajar yang terlibat dengan salah laku jenayah ialah sebanyak 21 orang diikuti pada tahun 1999 sebanyak 79 dan pada tahun 2000 menurun kepada 15 orang pelajar. Ini menunjukkan penempatan pegawai polis di sekolah mempunyai kesan dalam mengatasi masalah salah laku jenayah di kalangan pelajar-pelajar di daerah Kota Setar.

- b) Keberkesanan penempatan pegawai polis di sekolah dalam mengatasi masalah salah laku lucah di kalangan pelajar

Tiga jenis salah laku lucah telah dikaji untuk menentukan samada terdapat kesan dalam penempatan pegawai polis di sekolah. Daripada tiga jenis tersebut di dapati hanya salah laku membawa bahan lucah sahaja memberi kesan yang positif apabila adanya program penempatan polis di sekolah. Ini di sebabkan hukuman dan undang-undang membawa bahan lucah adalah berat jika diambil tindakan oleh pihak polis. Manakala dua jenis salah laku lucah yang tidak memberi kesan dengan penempatan polis di sekolah ialah melukis gambar lucah dan mengeluarkan kata-kata lucah. Ini juga disebabkan pelajar-pelajar tahu bahawa salah laku jenis ini merupakan salah laku yang kecil kesalahan dan hukumannya jika dibandingkan dengan membawa bahan lucah ke sekolah.

Dapatan ini disokong melalui Jadual 5.1 di yang mana pada tahun 1998, jumlah salah laku pelajar yang terlibat dengan salah laku lucah ialah seramai 10 orang dan diikuti pada tahun 1999 sebanyak 9 orang dan pada tahun 2000 tiada pelajar yang direkodkan terjebak dalam salah laku tersebut. Ini menunjukkan penempatan pegawai polis di sekolah berjaya mempengaruhi pelajar daripada melakukan salah laku lucah di sekolah.

- c) Keberkesanan penempatan pegawai polis di sekolah dalam mengatasi salah laku musnah di kalangan pelajar di sekolah

Terdapat kesan yang positif dalam ketiga-tiga jenis salah laku musnah apabila adanya program penempatan pegawai polis di sekolah. Kehadiran pegawai polis di sekolah walaupun dalam masa yang tertentu telah menyebabkan tahap salah laku musnah seperti merosakkan harta guru, sekolah dan pelajar-pelajar lain telah berkurangan. Program ini telah memberi kesedaran di kalangan pelajar mengenai hukuman yang bakal diterima jika kes salah musnah dirujuk kepada pihak berkuasa polis. Ini kerana, pihak polis mempunyai kuasa undang-undang yang luas untuk mengambil tindakan terhadap pelajar-pelajar yang didapati terlibat dengan salah laku musnah.

Dapatan ini disokong dengan rekod salah laku dan disiplin pelajar dalam daerah Kota Setar seperti mana dalam Jadual 5.1. Pada tahun 1998, seramai 9 orang pelajar terlibat dalam salah laku jenis ini dan pada tahun 1999 seramai 7 orang pelajar terlibat dan diikuti pada tahun 2000 hanya seorang pelajar sahaja yang terlibat. Ini membuktikan program penempatan pegawai polis di sekolah berjaya mengurangkan gejala salah laku musnah di kalangan pelajar di daerah Kota Setar.

- d) Keberkesanan penempatan pegawai polis di sekolah bagi mengatasi masalah salah laku kurang sopan di kalangan pelajar.

Program penempatan pegawai polis di sekolah di dapati tidak memberi kesan bagi mengatasi masalah salah laku kurang sopan di kalangan pelajar. Sebanyak empat jenis salah laku kurang sopan yang dikaji iaitu kasar dengan murid, guru, pengawas dan tidak menghormati guru. Walaupun adanya kehadiran polis di sekolah, ianya tidak

dapat membantu untuk mempengaruhi sikap pelajar-pelajar untuk lebih bersopan dengan guru, pengawas atau murid-murid lain. Ini mungkin disebabkan faktor sikap merupakan sesuatu yang diwarisi dan amat sukar untuk diubah jika ianya telah menjadi sebatian dengan jiwa raga seseorang.

Dapatan ini disokong melalui Jadual 5.1 di mana pelajar yang terlibat dalam salah laku kurang sopan dalam daerah Kota Setar telah meningkat bermula dari tahun 1998 sebanyak 31 orang pelajar dan diikuti pada tahun 1999 sejumlah 42 orang pelajar dan pada tahun 2000 seramai 78 orang pelajar terlibat dalam gejala salah laku kurang sopan di sekolah-sekolah.

- e) Keberkesanan penempatan pegawai polis dalam mengatasi masalah tidak mementingkan masa di kalangan pelajar sekolah

Penempatan pegawai polis di sekolah juga tidak memberi kesan dalam mengatasi masalah tidak pentingkan masa di kalangan pelajar sekolah. Jenis salah laku tidak pentingkan masa seperti berkeliaran, makan di luar sekolah, datang lewat ke sekolah ataupun ke perhimpunan tidak dapat di atasi walaupun adanya program penempatan dan kehadiran pegawai polis di sekolah. Ini disebabkan pelajar-pelajar menganggap salah laku seperti ini berpunca daripada kelemahan yang ada di pihak sekolah itu sendiri yang tidak menyediakan prasarana yang mencukupi di sekolah seperti suasana yang indah di sekolah dan kantin yang lengkap yang boleh menarik minat pelajar-pelajar ke sekolah.

Dapatan ini disokong melalui Jadual 5.1 yang menunjukkan pada tahun 1998 tiada pelajar terlibat dalam salah laku tidak pentingkan masa. Ini diikuti pada tahun 1999 seramai 3 orang pelajar terlibat dan ianya meningkat kepada 5 orang pelajar pada tahun 2000.

- f) Keberkesanan penempatan pegawai polis di sekolah dalam mengatasi masalah dalam kegiatan kokurikulum pelajar

Masalah yang biasa timbul dalam kegiatan kokurikulum ialah pelajar-pelajar melawan guru kokurikulum dan tidak patuh dengan peraturan dalam kokurikulum itu sendiri. Dari analisis yang telah dibuat, didapati walaupun adanya penempatan pegawai polis di sekolah, tetapi ianya tidak membawa apa-apa kesan untuk mengatasi masalah dalam kegiatan kokurikulum yang dinyatakan di atas. Ini disebabkan kesalahan melawan guru kokurikulum pada kebiasaannya akan diambil tindakan oleh pihak guru itu sendiri dan tidak patuh pada peraturan kokurikulum pada kebiasaannya juga diambil tindakan di pihak sekolah atau guru sahaja. Hal ini pada pandangan pelajar tidak ada hubung kaitnya dengan pihak berkuasa polis. Faktor ini menyebabkan penempatan pegawai polis di sekolah tidak membawa kesan dalam mengatasi masalah salah laku dalam kegiatan kokurikulum di kalangan pelajar.

Dapatan ini juga di buktikan melalui Jadual 5.1 apabila jumlah pelajar yang direkodkan melakukan salah laku jenis ini dalam daerah Kota Setar telah bertambah iaitu pada tahun 1998 tiada pelajar yang direkodkan melakukan salah laku jenis ini tetapi ianya

meningkat pada tahun 1999 kepada 9 orang pelajar dan pada tahun 2000 sejumlah 10 orang pelajar terlibat.

5.2.3 Kesan Program-program Polis Yang Dijalankan Di Sekolah Bagi Mengatasi Salah Laku Pelajar

Setiap pegawai polis yang dilantik sebagai pegawai perhubungan awam atau bapa angkat di sekolah dikehendaki merangka program-program yang melibatkan polis dengan pelajar-pelajar serta pihak sekolah. Program ini penting bagi dijadikan garis panduan dalam merealisasikan keberkesanan penempatan polis di sekolah yang dipertanggungjawabkan. Pelaksanaan program ini pula akan dibuat dalam bentuk laporan oleh pegawai berkenaan bagi membolehkan pihak atasan polis melihat dan mengkaji kewibawaan pegawainya.

Untuk melihat keberkesanan program-program yang dilaksanakan itu, penyelidik telah mengkategorikan sebanyak lima jenis program yang dilaksanakan oleh pegawai polis di sekolah. Antaranya seperti :-

- kekerapan program-program yang dirangkakan (ceramah dan kaunseling)
- program pemeriksaan mengejut di dalam kawasan sekolah,
- program rondaan pegawai polis di sekolah,

- program penglibatan pegawai polis dalam kegiatan ko-kurikulum sekolah, dan
- program pemeriksaan mengejut pegawai polis di luar kawasan sekolah.

a) Keberkesanan kekerapan program yang dirangka dan dilaksanakan

Dapatan daripada analisis yang telah dijalankan didapati terdapat kesan yang amat positif dalam kekerapan program seperti program kaunseling dan ceramah di sekolah. Lebih daripada 90% responden menyatakan kekerapan dalam program ini memberi kesan terhadap tahap disiplin dan salah laku pelajar-pelajarnya. Ini kerana terdapat satu suasana interaksi secara terus diwujudkan di antara polis dan pelajar dalam menyelesaikan sebarang persoalan yang timbul.

b) Keberkesanan program pemeriksaan mengejut oleh polis dalam kawasan sekolah

Pemeriksaan mengejut ini termasuk pemeriksaan air kencing dan lesen kenderaan pelajar-pelajar di sekolah. Dapatan kajian ini juga menunjukkan lebih 90% responden menyatakan program seperti ini memberi kesan yang amat positif dalam mengurangkan gejala salah laku pelajar-pelajar terjebak dalam salah guna dadah dan juga salah guna lesen motosikal seperti menyertai lumba haram. Suasana kekerapan pemeriksaan seperti ini akan menyebabkan pelajar-pelajar menjadikan diri mereka lebih berdisiplin dan menghormati undang-undang.

c) Keberkesanan program rondaan pegawai polis di sekolah

Terdapat tiga jenis program rondaan yang dikaji dalam penyelidikan ini iaitu rondaan berkereta, bermotosikal dan rondaan berjalan kaki polis di sekolah. Kehadiran pihak polis di sekolah seperti ini boleh memberi kesedaran kepada pelajar agar tidak melanggar peraturan atau melakukan salah laku di sekolah. Ini dibuktikan dengan hasil dapatan kajian di mana lebih 80% responden menyatakan program seumpama ini telah berjaya memberi kesan yang amat mendalam di kalangan pelajar sekolah mereka. Oleh itu program seumpama ini perlu diteruskan dari masa ke semasa.

d) Keberkesanan program penglibatan pegawai polis dalam kegiatan kokurikulum di sekolah

Kegiatan kokurikulum merupakan jenis kegiatan yang boleh meningkatkan tahap disiplin para pelajar yang menganggotainya. Dalam kajian ini penyelidik mengkategorikan dua jenis kegiatan kokurikulum iaitu kadet sekolah dan persatuan lain yang mana pihak polis menglibatkan diri mereka secara langsung bersama-sama pelajar-pelajar sekolah walaupun telah ada guru kadet dan persatuan yang dimaksudkan. Penglibatan pegawai polis dalam aktiviti-aktiviti ini telah memberikan hasil yang positif di mana lebih 95% responden menyatakan program penglibatan polis dalam kedua-dua aktiviti telah memberikan kesan yang baik dalam menjadikan pelajar-pelajar lebih berdisiplin.

- e) Keberkesanan program pemeriksaan mengejut pegawai polis di luar kawasan sekolah

Program pemeriksaan mengejut meliputi pemeriksaan lesen motosikal dan ponteng sekolah yang dilaksanakan oleh pegawai di luar kawasan sekolah. Program ini juga didapati memberi kesan yang amat positif di mana lebih 93% responden menyatakan program ini berjaya mendisiplinkan pelajar-pelajar mereka daripada melakukan kesalahan tidak memiliki lesen motosikal dan juga masalah ponteng sekolah. Hal ini boleh dicapai kerana pelajar-pelajar akan merasa takut jika pemeriksaan mengejut dibuat semasa mereka sedang membawa motosikal atau sedang melepak di luar kawasan sekolah.

5.3 Perbincangan

Kajian penempatan pegawai polis di sekolah telah dilihat mempunyai kesan dalam beberapa salah laku pelajar dan juga tidak mempunyai kesan langsung dalam beberapa jenis salah laku yang lain. Kesan yang positif dengan adanya penempatan polis di sekolah ke atas salah laku pelajar seperti dalam jenis salah laku jenayah, salah lucah dan salah laku musnah di kalangan pelajar didapati memberikan kesan yang tidak berapa kuat. Akan tetapi faktor ini boleh dijadikan sebagai satu asas dan panduan untuk mencari satu kaedah yang lebih berkesan bagi mengatasi salah laku jenis ini. Ini kerana berkemungkinan kajian dan penyelidikan yang dijalankan terbatas kepada

sekolah-sekolah dalam daerah Kota Setar sahaja dan tidak menyeluruh seperti mana telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang lain.

Manakala jika dilihat dari sudut program-program yang dirancang dan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai polis di sekolah, ianya di dapati mempunyai kesan yang amat positif dalam mengatasi masalah salah laku pelajar-pelajar baik di dalam kawasan sekolah atau di luar kawasan sekolah. Kebanyakan responden yang terdiri daripada pihak pengetua dan guru disiplin menyatakan program yang dirancang dan dilaksanakan oleh pegawai polis yang ditempatkan di sekolah mereka sebagai pegawai perhubungan atau bapa angkat sekolah telah berjaya menjadikan pelajar-pelajar mereka lebih berdisiplin dan patuh pada undang-undang. Dapatan ini telah disokong dengan statistik yang diperolehi dari analisis data dalam bab sebelum ini.

Kajian penempatan pegawai polis yang terhad kepada kajian di sekolah menengah harian di sekitar daerah Kota Setar sesungguhnya dapat mengesahkan dapatan-dapatan daripada kajian yang dilakukan oleh Nick Hopkins (1992) yang bertajuk "Police-School Liaison and Young People's Image of Police". Ini kerana jika dilihat hasil daripada kajian tersebut ianya mempunyai persamaan dengan hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian penempatan polis di sekolah-sekolah di daerah Kota Setar dengan adanya kesan yang positif dari sudut disiplin pelajar-pelajar dan terdapatnya penurunan kes-kes salah laku yang dibuat oleh pelajar-pelajar sekolah yang dikaji. Walaupun jumlah salah laku yang dikaji tidak sama dengan jumlah dalam kajian yang dijalankan oleh Nick Hopkins, akan tetapi dapatan ini didapati mempunyai

persamaannya. Ini boleh dijadikan sebagai satu panduan asas bagi penyelidikan pada masa akan datang.

Begitu juga jika dilihat kesan penempatan pegawai polis di sekolah dari sudut salah laku jenayah dan dadah di kalangan pelajar sekolah yang mana hasil dapatan yang positif dalam kajian ini telah menunjukkan persamaan dengan dapatan yang diperolehi oleh penyelidik Martin J. Dunn (1999) dalam kajian bertajuk “Police Liaison For School”. Persamaan dapatan daripada kedua-dua hasil kajian menunjukkan terdapat kesan yang positif dalam penurunan kadar penglibatan pelajar dalam kes-kes dadah dan juga kes-kes salah laku jenayah di kalangan pelajar sekolah menengah harian di sekitar daerah Kota Setar.

Menyentuh tentang keberkesanan program-program yang dirangkakan dan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai polis di setiap sekolah di mana mereka ditempatkan didapati hasil dapatan daripada kajian ini telah mengesahkan dapatan yang dikaji oleh Stefkovick Jacqueline A (1999) yang bertajuk “Law Enforcement Officers in Public School : Student Citizens in Safe Havens”. Ini kerana, program-program yang dirangka dan dilaksanakan oleh pegawai polis seperti pemeriksaan mengejut di luar kawasan sekolah telah membolehkan pegawai polis membuat pemeriksaan yang lebih tegas dan mereka tidak terikat dengan undang-undang dan peraturan sekolah untuk mengambil tindakan ke atas pelajar-pelajar yang didapati membuat kesalahan seperti tidak memiliki lesen atau ponteng sekolah. Bagi pelajar-pelajar pula mereka akan merasa lebih takut kerana tindakan yang bakal diambil oleh pihak polis adalah tidak sama

seperti tindakan yang akan diambil oleh pihak sekolah. Tindakan yang diambil oleh pihak polis jika disabitkan kesalahan akan menjejaskan masa depan pelajar tersebut.

Selain daripada itu, jika dilihat dari sudut salah laku kurang sopan di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah harian di Daerah Kota Setar seperti berkasar dan tidak menghormati guru, bergaduh dengan pelajar-pelajar lain dan juga tidak menghormati pengawas sekolah, ianya tidak memberi kesan yang positif dengan adanya penempatan polis di sekolah. Dapatan ini tidak mengesahkan dapatan yang diperolehi daripada kajian bertajuk “Campus-Based Police/Probation Teams Making School Safer” yang dijalankan oleh Marty L. West dan John M. Fries (1995). Dalam kajian ini menyatakan bahawa dengan adanya penempatan polis di sekolah telah berjaya menurunkan kadar salah laku melawan dan mencederakan guru dan juga menurunkan kes pergaduhan sesama pelajar-pelajar lain. Akan tetapi dapatan yang diperolehi dalam kajian di sekolah-sekolah di daerah Kota Setar memberikan keputusan berlainan iaitu penempatan pegawai polis di sekolah tidak dapat menurunkan kes-kes salah laku kurang sopan di kalangan pelajar sekolah di daerah Kota Setar. Ini terbukti apabila sebanyak 31 kes seumpama itu dilaporkan pada tahun 1998 dan ianya telah meningkat kepada 42 kes dalam tahun 1999 dan meningkat lagi kepada 78 kes dalam tahun 2000 (lihat Jadual 5.1).

Hasil dapatan kajian ini adalah sama dengan dapatan yang diperolehi dalam kajian yang telah dilaksanakan oleh Futrell dan Hoffman (1996). Didapati bahawa penempatan polis di sekolah tidak memberikan kesan yang positif dalam mengatasi

masalah salah laku dan disiplin pelajar di mana terdapat pelajar-pelajar yang melakukan salah laku kekerasan terhadap guru dan pelajar-pelajar lain dengan cara tidak disedari oleh pelajar itu sendiri. Ini mungkin di sebabkan pada anggapan pelajar-pelajar tersebut perbuatan mereka itu tidak melanggar undang-undang sekolah atau pihak sekolah tidak berani mengambil tindakan terhadap mereka.

Berdasarkan penemuan tersebut, maka perlu pihak berkuasa sekolah dan juga pihak berkuasa polis mencari jalan dan kaedah bagi memantapkan lagi program penempatan pegawai polis di sekolah. Ini bertepatan dengan arahan terbaru di antara pihak berkuasa polis Bukit Aman dengan Kementerian Pendidikan Malaysia yang mengarahkan supaya satu jawatankuasa induk hendaklah dibentuk di peringkat Negeri untuk tujuan tersebut (Arahan KPN bertarikh 16hb Oktober 2000 dalam KPN 86/19).

Jawatankuasa ini akan dianggotai dan dipengerusikan bersama di antara Ketua Polis Negeri dengan Pengarah Pendidikan Negeri bagi merangka strategi dan rancangan pelaksanaan keberkesanan penempatan pegawai polis di sekolah. Jawatankuasa yang serupa akan dibentuk di peringkat daerah dengan fungsi yang sama dengan jawatankuasa di peringkat negeri. Pelaksanaan jawatankuasa seperti ini sedikit sebanyak akan dapat meningkatkan lagi keberkesanan program penempatan polis di sekolah bagi mengatasi masalah salah laku dan disiplin pelajar.

Kajian ini juga telah mendedahkan fenomena di mana terdapat juga di sesetengah buah sekolah di mana program penempatan pegawai polis di sekolah berkenaan tidak

mendapat kerjasama yang baik di antara pihak sekolah dan juga pihak berkuasa polis. Ini mungkin disebabkan faktor-faktor kesibukan tugas, sikap sesetengah pihak pengurusan sekolah yang tidak mengambil berat tentang masalah salah laku pelajar, sikap sekolah yang ingin menutup atau tidak mengakui terdapatnya kes-kes salah laku pelajar di sekolah mereka kerana ingin menjaga nama baik sekolah, dan juga sikap pihak sekolah yang tidak mahu pihak berkuasa lain seperti polis masuk campur dalam urusan mengatasi masalah salah laku pelajar mereka. Ini semua dibuat bagi menjaga nama baik sekolah dari pandangan masyarakat setempat dan juga dari pandangan pihak berkuasa Kementerian Pendidikan.

Selain itu, kajian ini juga mendapati ada pegawai perhubungan polis yang dilantik di satu-satu sekolah tidak menjalankan kewajipan mereka untuk melawat sekolah dan bertanya khabar berita baik dari sudut salah laku pelajar mahupun aktiviti-aktiviti yang terdapat di sekolah tersebut. Jika keadaan ini dibiarkan, maka usaha-usaha untuk mengatasi masalah salah laku pelajar dan untuk meningkatkan tahap disiplin di kalangan pelajar yang merupakan pemimpin masa depan negara ini akan menjadi lebih sukar.

Oleh kerana itu, adalah penting kedua-dua pihak iaitu pihak sekolah dan juga pihak pegawai polis yang dilantik diberi kesedaran tentang betapa pentingnya kerjasama yang rapat di antara sekolah dan polis diwujudkan bagi menjayakan program penempatan pegawai polis di sekolah supaya masalah salah laku pelajar dapat diatasi dan seterusnya dapat meningkatkan tahap disiplin di kalangan pelajar. Jika hal ini

berjaya dilaksanakan maka ianya akan menghasilkan dan melahirkan kumpulan pelajar yang berdisiplin dan seterusnya melahirkan masyarakat yang patuh dan taat kepada undang-undang negara.

5.4 Cadangan

Hasil dapatan kajian ini mendapati terdapat kesan yang positif jika program penempatan ini diteruskan dengan menitik beratkan program-program yang dibuktikan mendatangkan kejayaan dalam mengatasi masalah salah laku pelajar dan seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap disiplin di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Program-program yang berkesan boleh dijadikan panduan kepada pihak sekolah yang mempunyai bentuk masalah disiplin yang serupa di kalangan pelajarnya. Ini secara tidak langsung akan menjimatkan lagi masa dan kos bagi pihak sekolah dan pihak berkuasa polis bagi mencari kaedah yang sesuai bagi mengatasi masalah salah laku di sesebuah sekolah. Faktor-faktor lain yang boleh diketengahkan dan dicadangkan bagi meningkatkan lagi keberkesanan program penempatan polis di sekolah ialah :-

- a. Memperkemaskan dan memperketatkan peraturan dan undang-undang disiplin di sekolah di kalangan pelajar-pelajar

Usaha-usaha yang berterusan untuk memperkemaskan dan memperketatkan peraturan dan undang-undang disiplin sekolah di kalangan pelajar perlu diteruskan dan diperbaiki dari masa ke semasa mengikut perubahan masa dan tempat di mana sekolah dan pelajar

itu berada. Ini penting kerana peraturan dan undang-undang disiplin pelajar yang digubal misalnya sepuluh tahun lalu belum tentu dapat disesuaikan dan diguna pakai pada masa kini. Ianya perlu di ubah mengikut peredaran masa dan mengikut kesesuaian keadaan sekeliling.

Selain daripada itu, rancangan untuk memberi kuasa polis tambahan kepada golongan guru tertentu seperti guru disiplin perlu dipercepatkan bagi memberi keyakinan kepada mereka yang diamanahkan untuk menguatkuasakan peraturan disiplin dan undang-undang di sekolah.

Kebebasan yang diberikan kepada pegawai polis untuk melaksanakan satu-satu peraturan dan undang-undang di sekolah perlu diperluaskan tanpa halangan daripada pihak berkuasa sekolah. Ini semua perlu demi melicinkan lagi aktiviti-aktiviti yang hendak dilaksanakan oleh pegawai polis tersebut. Semua jenis tindakan yang hendak diambil oleh pihak polis ke atas pelajar-pelajar sekolah hendaklah dilihat ke arah yang positif dan membina serta perlu dilaksanakan bersama di antara polis dan sekolah demi melahirkan pelajar-pelajar yang berdisiplin.

Selain itu, pihak sekolah dan polis perlu mempertingkatkan lagi hubungan sesama mereka dalam memperkemaskan rekod salah laku dan disiplin yang dibuat oleh pelajar-pelajar bagi memudahkan kedua-dua belah pihak memberi tumpuan kepada golongan pelajar yang mempunyai masalah disiplin. Ini penting kerana program-

program yang berjaya diimplimentasikan sebelum ini boleh diterapkan pula kepada golongan pelajar tersebut.

- b. Menitik-beratkan dan memberi tumpuan kepada program-program polis yang berjaya mengikut latar belakang dan suasana sekeliling sekolah

Program-program polis yang dikenal pasti amat berjaya dalam mendidik pelajar-pelajar daripada melakukan salah laku disiplin perlu diterapkan dan diperkenalkan kepada sekolah-sekolah mengikut latar belakang dan suasana sekolah tersebut. Sebagai contoh program pemeriksaan mengejut pihak polis di luar kawasan sekolah boleh diimplimentasikan di sekolah berlatar belakang kawasan bandar yang kebanyakan pelajar-pelajarnya memiliki motosikal dan suka melepak di kawasan kompleks membeli belah. Program ini kurang berkesan jika dilaksanakan di sekolah-sekolah di luar bandar yang rata-rata pelajarnya menaiki basikal ke sekolah dan tidak perlu memiliki lesen.

Begitu juga dengan program ceramah, kaunseling dan berpersatuan kadet yang dilaksanakan bersama pihak polis akan memberi kesan jika ianya dilaksanakan pada semua peringkat sekolah tanpa mengira latar belakang dan suasana sekolah tersebut. Ini kerana, daripada kajian yang dibuat, program ini memang memberi kesan yang positif dalam mendidik pelajar-pelajar daripada melakukan salah laku.

- c. Meningkatkan kerjasama di antara pihak sekolah, ibu bapa dan pihak polis

Penempatan pihak polis di sekolah akan lebih bermakna dan boleh mencapai kejayaan yang lebih berkesan jika kerjasama di antara ketiga-tiga pihak di atas dipertingkatkan dan saling bertukar-tukar fikiran bagi mendapatkan kaedah terbaik untuk menyelesaikan masalah salah laku pelajar di sekolah. Ini boleh dilakukan semasa mensyuarat persatuan ibu bapa dan guru di mana penglibatan pihak polis sebagai pegawai perhubungan sekolah atau bapa angkat sekolah diberi penekanan agar pihak ibu bapa akan lebih memahami dan boleh menerima tindakan-tindakan yang akan di ambil oleh pihak sekolah dan polis jika anak-anak mereka terlibat dengan salah laku di sekolah.

Ibu bapa juga boleh memainkan peranan yang lebih berkesan seperti menjadikan diri mereka sebagai '*role model*' atau contoh yang baik seperti menghormati undang-undang dan peraturan semasa mereka bersama anak-anak mereka, mengamalkan tabiat yang baik dan bersopan santun kepada anak-anak serta selalu memerhatikan perubahan gelagat anak-anak mereka sama ada telah dipengaruhi dengan gejala atau salah laku negatif.

- d. Mengujudkan satu sistem hubungan bersepadu di antara pihak polis dan sekolah

Hal sebegini boleh dilaksanakan melalui pegawai perhubungan polis yang sentiasa berhubung dengan wakil sekolah seperti guru disiplin bagi mendapat maklumat mengenai keadaan sekolah dan pelajar. Hubungan baik dan kerjasama erat dalam

pelbagai aspek akan memberi manfaat bersama bagi menjayakan program penempatan polis di sekolah. Kedua-dua pihak boleh saling berhubungan melalui telefon atau melalui *e-mail* untuk membuat laporan dari masa ke semasa perihal salah laku dan disiplin pelajar mereka. Ini secara tidak langsung akan menjimatkan masa dan kos kepada kedua-dua belah pihak.

5.5 Penutup

Kajian ke atas penempatan pegawai polis di sekolah bagi mengatasi masalah salah laku pelajar didapati mempunyai kesan yang positif dalam jenis salah laku jenayah, salah laku lucah dan salah laku musnah. Walau bagaimanapun, ianya tidak memberi kesan ke atas salah laku kurang sopan, salah laku tidak pentingkan masa dan salah laku yang berkaitan dengan kegiatan ko-kurikulum di kalangan pelajar sekolah. Ini disebabkan pelajar-pelajar tahu bahawa kesalahan yang dilakukan di bawah salah laku jenayah, lucah dan musnah boleh dikategorikan sebagai jenis kesalahan yang serius oleh pihak polis dan jika di dapati terbabit atau terlibat boleh diambil tindakan di bawah undang-undang jenayah. Manakala dalam jenis salah laku kurang sopan, tidak pentingkan masa dan yang berkaitan dengan ko-kurikulum, di dapati tidak mendatangkan kesan terhadap pelajar kerana mereka menganggap bahawa jenis kesalahan ini dikategorikan sebagai kesalahan yang kecil dan tidak serius dan jika di dapati terlibat dan disabitkan kesalahan, tindakan hanya diambil melalui kuasa-kuasa yang ada pada pihak sekolah dan tidak sampai kepada tindakan pihak polis.

Seterusnya, penempatan pegawai polis di sekolah telah memberi kesan yang paling positif dalam program-program yang dirancang dan dilaksanakan di sekolah. Program-program seperti ceramah, kaunseling, rondaan, penglibatan dalam kegiatan ko-kurikulum serta pemeriksaan mengejut di dalam dan di luar kawasan sekolah telah dapat mendidik pelajar agar lebih berdisiplin. Ini kerana, program-program seperti ini telah melibatkan secara terus pihak polis dengan pelajar-pelajar.

Walau bagaimanapun, ingin ditegaskan di sini bahawa penempatan pegawai polis di sekolah akan lebih berjaya jika ianya mendapat sokongan dan kerjasama yang lebih padu melalui penglibatan yang lebih serius di antara pihak polis, sekolah, ibu bapa dan pelajar-pelajar itu sendiri. Sokongan dan kerjasama ini perlu bagi melahirkan generasi pelajar yang cemerlang dan berdisiplin untuk menerajui kepimpinan negara pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Amiruddin Bin Jamaluddin. (1998). **Penglibatan Pelajar dalam kegiatan konsi gelap (satu kajian kes di Pulau Pinang)**. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian rekod salah laku dan disiplin pelajar. **Statistik salah laku mengikut jenis dan tahun bagi daerah Kota Setar**. Pejabat pendidikan daerah Alor Setar, Kedah.
- Cronbach, L.J. (1990). **Response set and Test validating. Educational and Psychological Measurement (5th ed.)** New York: Harper and Row.
- Davis, K. & Newston, J.W. (1985). **Organizational Behavior: Reading and Exercises**. New York: Mc Graw-Hill Company.
- Department of education and science .(1983). **Police Liaison with the education service**. A report of an enquiry carried out by Her Majesty Inspectors of School in July 1982, London.
- Hoffman, A.M. (1996). **School, Violence and Society**. CT Praeger Publisher Westport.
- Lal, D.& Lal S.R. (1995). **Identifying Negative Gang Activities** .A paper Presented at the South Hills Area School District Association, March 1995 Pittsburg, PA
- Mohd Ali Hj Hashim, 1996, **Membujur lalu, Suatu Pengalaman Orang Melayu Dalam Pengurusan**, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Mohd Zaman Khan. (1993). **Masalah Juvana dan penguatkuasaan Polis**. Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar Delinkuensi Juvana. Mei 1993, Kuala Lumpur.
- Mahiran Binti Md. Isa. (1993). **Masalah Kerosakkan Akhlak di kalangan Juvana**. Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar Delinkuensi Juvana, Mei 1993, Kuala Lumpur.
- Martin J. Dunn. (1999). **Police Liaison For School**. FBI Law Enforcement Bulletin.
- Marty L. West and John M. Fries. (1995). **Campus-Based Police/Probation Teams-Making School Safer**. California Police Department, United State.
- Nick Hopkins. (1992). **Police-School Liaison and Young People's Image of Police**. British Journal of Psychology.

- Nawojezyk, S. (1991). **Street Gang Dynamics. The Nawojezyk Group** Sumber : <http://www.gangwar.com/dynamics.htm#overview>.
- Kementerian Pendidikan (1998). **Gengsterisme Di Sekolah. Kuala Lumpur : Bahagian Sekolah**, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang, 1992, **Kuasa Polis DiRaja Malaysia**, Kuala Lumpur: International Law Book Service.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang. 1998, **Akta Polis 1967**. International Law Book Services , Kuala Lumpur.
- Polis DiRaja Malaysia (1999), **Laporan Perangkaan Jenayah Malaysia 1998**. Kuala Lumpur : Pencetakkan Nasional Malaysia Berhad.
- Philips, SV and Conchrane,R (1985). The Role, Functions and Training of police community liaison officers department of Psychology. University Of Birmingham.
- Riley,K.W. (1991). **Street Gangs and The School : A Blueprint For Intervention**, Phi Delta Kappa Educational Foundation, Bloomington, Indiana 1991.
- Rubie,T.& Thomes, K.(1976). **Support for a Two-Dimensional Model of Conflict Behavior. Organizational Behavior and Human Performance**.
- Sekaran Uma, (1992). **Research Methods For Business**. John Willy & Sons, Inc.
- Stephen P. Robbins, 1998, **Organizational Behavior, Concepts, Controversies, Application**, Eighth Edition, Prentice Hall International, Inc.
- Sheikh Moxsin Bin Abdullah. (1993). **Masalah remaja dari perspektif persekolahan**. Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar Delingkuensi Juvana, Mei 1993, Kuala Lumpur.
- Stefkovick, Jacqueline. A .(1999). **Law Enforcement Officers in Public School: Student Citizens in Safe Havens**. Brigham Young University Education and Law Journal. Winter 99.
- Vorhaus,G.(1984). **Police in the classroom**. Hillingdon legal researce centre, London.
- The New Straits Times. "Gangster Culture In Schools Must be Crushed", 21 Mei 1998.
- Utusan Malaysia. "**Sekolah Samseng**", 16 Jun 1998.
- Berita Harian "Kuasa Polis Bantuan" 19 April 2000.

**POLIS DIRAJA MALAYSIA
DENGAN KERJASAMA
SEKOLAH SISWAZAH UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**KAJIAN : PENEMPATAN PEGAWAI POLIS DI SEKOLAH BAGI
MENGATASI MASALAH SALAH LAKU PELAJAR**

Tuan / Puan

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana anda telah dipilih dan sudi menyertai penyelidikan ini. Penyelidikan ini dijalankan sebagai memenuhi syarat program Sarjana Sains (Pengurusan) sesi 1999/2001.

Maklumat yang diperolehi adalah sangat penting bagi tujuan penyelidikan ini dan juga kepada pihak Polis DiRaja Malaysia. Ketepatan hasil penyelidikan bergantung kepada keikhlasan tuan/puan dalam memberikan maklumbalas. Jawapan yang jujur amat dihargai. Segala maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan akan diproses secara berkumpulan untuk tujuan statistik sahaja.

Segala kerjasama tuan/puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian

.....

(DSP ABD JALIL BIN HASSAN)

Bahagian Latihan, Jabatan Pengurusan

Bukit Aman, Kuala Lumpur.

BAHAGIAN A : MAKLUMAT RESPONDEN

Sila tandakan (✓) pada ruang-ruang yang berkenaan dengan jawapan yang sesuai.

No.	Perkara	Tandakan Pada Kotak Berkenaan
1.	Jantina	Lelaki ☐
		Perempuan ☐
2.	Jawatan Anda	Pengetua ☐
		Guru Disiplin ☐
		Lain-lain Guru ☐
3.	Pengalaman Mengajar di sekolah ini.	Kurang daripada setahun ☐
		2 hingga 5 tahun ☐
		6 hingga 10 tahun ☐
		11 hingga 15 tahun ☐
		16 hingga 20 tahun ☐
		20 tahun ke atas ☐
4.	Bilangan pelajar sekolah anda	Kurang daripada 500 orang ☐
		501 – 1000 orang ☐
		1001 – 1500 orang ☐
		1501 – 2000 orang ☐
		2001 – 2500 orang ☐
		2501 ke atas ☐

BAHAGIAN B: SOAL SELIDIK TENTANG PENEMPATAN PEGAWAI POLIS

Terserai di bawah ini adalah satu siri pernyataan yang menerangkan tentang keberkesanan penempatan pegawai polis di sekolah anda. Berpandukan kepada perasaan anda sendiri tentang penempatan polis ini, sila tandakan (✓) persetujuan anda terhadap pernyataan tersebut berdasarkan kepada skala yang disediakan.

1	2	3	4	5
<i>Sangat Tidak Berkesan</i>	<i>Tidak Berkesan</i>	<i>Kurang Pasti</i>	<i>Berkesan</i>	<i>Sangat Berkesan</i>

Untuk setiap pernyataan tanda (✓) hanya satu skala sahaja

<i>Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah anda memberi kesan ke atas <u>salah laku jenayah</u> di kalangan pelajar</i>	1	2	3	4	5
5. Melawan guru	☐	☐	☐	☐	☐
6. Melawan pengawas	☐	☐	☐	☐	☐
7. Buli	☐	☐	☐	☐	☐
8. Salah guna dadah	☐	☐	☐	☐	☐
9. Ancam murid-murud	☐	☐	☐	☐	☐
10. Ancam guru-guru	☐	☐	☐	☐	☐
11. Berjudi	☐	☐	☐	☐	☐
12. Mencuri	☐	☐	☐	☐	☐

<i>Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah anda memberi kesan ke atas <u>salah laku lucu</u> di kalangan pelajar</i>	1	2	3	4	5
13. Membawa bahan lucu	☐	☐	☐	☐	☐
14. Bergurau kata-kata lucu	☐	☐	☐	☐	☐
15. Melukis gambar lucu	☐	☐	☐	☐	☐

1	2	3	4	5
<i>Sangat Tidak Berkesan</i>	<i>Tidak Berkesan</i>	<i>Kurang Pasti</i>	<i>Berkesan</i>	<i>Sangat Berkesan</i>

Untuk setiap pernyataan tanda (✓) hanya satu skala sahaja

<i>Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah anda memberi kesan ke atas <u>salah laku musnah</u> di kalangan pelajar</i>	1	2	3	4	5
16. Merosakkan harta benda sekolah	☐	☐	☐	☐	☐
17. Merosakkan harta guru-guru	☐	☐	☐	☐	☐
18. Merosakkan harta murid-murid	☐	☐	☐	☐	☐

<i>Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah anda memberi kesan ke atas <u>salah laku kurang sopan</u> di kalangan pelajar</i>	1	2	3	4	5
19. Berkasar dengan guru	☐	☐	☐	☐	☐
20. Berkasar dengan pengawas	☐	☐	☐	☐	☐
21. Berkasar dengan murid-murid lain	☐	☐	☐	☐	☐
22. Tidak menghormati guru	☐	☐	☐	☐	☐

<i>Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah anda memberi kesan ke atas <u>salah laku tidak pentingkan masa</u> di kalangan pelajar</i>	1	2	3	4	5
23. Berkeliaran	☐	☐	☐	☐	☐
24. Datang lewat ke sekolah	☐	☐	☐	☐	☐
25. Lewat ke perhimpunan	☐	☐	☐	☐	☐
26. Makan di luar sekolah semasa rehat	☐	☐	☐	☐	☐

<i>Sejauh manakah penempatan pegawai polis di sekolah anda memberi kesan terhadap <u>kegiatan ko-kurikulum</u> di kalangan pelajar</i>	1	2	3	4	5
27. Tidak mengikuti peraturan bagi sesuatu aktiviti ko-kurikulum	☐	☐	☐	☐	☐
28. Melawan guru yang mengawasi aktiviti ko-kurikulum	☐	☐	☐	☐	☐

--

BAHAGIAN C: SOAL SELIDIK TENTANG PROGRAM POLIS DI SEKOLAH

1	2	3	4	5
<i>Sangat Tidak Berkesan</i>	<i>Tidak Berkesan</i>	<i>Kurang Pasti</i>	<i>Berkesan</i>	<i>Sangat Berkesan</i>

Untuk setiap pernyataan tanda (✓) hanya satu skala sahaja

<i>Sejauh manakah <u>kekerapan program</u> pegawai polis di sekolah akan dapat memberi kesan terhadap salah laku pelajar</i>	1	2	3	4	5
--	---	---	---	---	---

29. Program ceramah

☐ ☐ ☐ ☐ ☐

30. Program kaunseling

☐ ☐ ☐ ☐ ☐

<i>Sejauh manakah <u>program pemeriksaan mengejut</u> pegawai polis di sekolah akan dapat memberi kesan terhadap salah laku pelajar</i>	1	2	3	4	5
---	---	---	---	---	---

31. Pemeriksaan air kencing

☐ ☐ ☐ ☐ ☐

32. Pemeriksaan lesen kenderaan

☐ ☐ ☐ ☐ ☐

<i>Sejauh manakah <u>program rondaan</u> pegawai polis di sekolah akan dapat memberi kesan terhadap salah laku pelajar</i>	1	2	3	4	5
--	---	---	---	---	---

33. Rondaan menggunakan kereta polis

☐ ☐ ☐ ☐ ☐

34. Rondaan menggunakan motosikal polis

☐ ☐ ☐ ☐ ☐

35. Rondaan berjalan kaki @ bit polis

☐ ☐ ☐ ☐ ☐

1	2	3	4	5
<i>Sangat Tidak Berkesan</i>	<i>Tidak Berkesan</i>	<i>Kurang Pasti</i>	<i>Berkesan</i>	<i>Sangat Berkesan</i>

Untuk setiap pernyataan tanda (✓) hanya satu skala sahaja

<i>Sejauh manakah <u>program penglibatan</u> pegawai polis dalam <u>kegiatan ko-kurikulum</u> di sekolah akan dapat memberi kesan terhadap salah laku pelajar</i>	1	2	3	4	5
---	---	---	---	---	---

36. Kadet polis

☐	☐	☐	☐	☐
--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------

37. Lain-lain persatuan

☐	☐	☐	☐	☐
--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------

<i>Sejauh manakah <u>program pemeriksaan mengejut</u> pegawai polis di luar kawasan sekolah akan dapat memberi kesan terhadap salah laku pelajar</i>	1	2	3	4	5
--	---	---	---	---	---

38. Pemeriksaan lesen motosikal

☐	☐	☐	☐	☐
--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------

32. Pemeriksaan ponteng sekolah

☐	☐	☐	☐	☐
--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------

TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA ANDA

